

# PERPUSTAKAAN UTM

BANGUNAN PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH  
UTM JOHOR BAHRU  
JOHOR



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER & KATALOG

LAPORAN TAHUNAN 2018 | BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

# PERPUSTAKAAN UTM

BANGUNAN PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH  
UTM JOHOR BAHRU  
JOHOR



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER & KATALOG

LAPORAN TAHUNAN 2018 | BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Vol. 8

Mac 2019

Layari portal BPSK untuk versi dalam talian :  
<http://library.utm.my/bpsk>

saya ❤ membaca



**ILMU itu dimiliki dengan lidah yang banyak  
bertanya, dan AKAL yang gemar berfikir.**

**- Abdullah Ibnu Abbas -**

# MUKASURAT KANDUNGAN

- i • Mesej Dari Ketua Bahagian
- ii • Senarai Rajah
- 1 • Pengenalan
- 2 • Fungsi & Objektif Bahagian
- 3 - 6 • Fungsi & Objektif Unit
- 7 - 9 • Staf
- UNIT PEROLEHAN BAHAN
- UNIT JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK
- 11 - 13 • Peruntukan Kewangan Keseluruhan
- 14 • Pembelian Bahan Bacaan
- 15 - 16 • Langganan Jurnal & Media Elektronik
- 17 • Pencapaian Key Amal Indicators (KAI)
- 18 - 20 • Pencapaian Objektif Kualiti
- 21 • Pencapaian BS11620
- 22 • Keseluruhan Koleksi Perpustakaan UTM
- 23 - 29 • Laporan Prestasi Pembekal
- UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL
- UNIT HADIAH & PERTUKARAN
- 31 • Ringkasan Pencapaian Keseluruhan
- 32 • Perbandingan Pencapaian Keseluruhan
- 33 • Ulasan Pencapaian Sepanjang Tahun
- 34 • Pencapaian Key Amal Indicators (KAI)
- 35 - 36 • Pencapaian Objektif Kualiti
- 37 • BS11620 : Median Time Document Processing (MTDP)
- 38 • BS11620 : Staff Costs per Title Catalogued (SCTC)
- 39 • Pencapaian Pustakawan UPT & UHP
- 40 • Pencapaian Pembantu Pustakawan UPT & UHP
- 41 • Penerimaan Bahan
- 42 • Penghantaran Bahan
- 43 • Pengurusan Permohonan Bahan Segera
- 44 • Tindakan Pembetulan dan Pencegahan
- 45 • Penambahbaikan Berterusan
- MAKLUMAT PERTANYAAN
- SISIPAN 2018
- 48 • Bengkel Pengkatalogan Bahan & Perlaksanaan Asas RDA
- 49 • Kursus Pengurusan Penerimaan Bahan
- 50 • Projek Gotong-royong
- 51 - 52 • Mesyuarat Perolehan dan Sebut Harga
- 53 • Penganugerahan Akademik
- 54 - 55 • Sanjungan Budi
- 56 • Penghargaan Staf
- LAMPIRAN
- CATATAN

## KETUA BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER & KATALOG



Assalammualaikum & Alhamdullillah ....

Syukur, di atas segala kesempatan dan peluang yang diberikan kepada saya untuk menerajui Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog (BPSK) bersama sokongan dan kerjasama daripada warga kerja BPSK.

Jun 2018 adalah detik bermulanya cabaran saya sebagai Ketua Bahagian di BPSK di dalam memahami dan mendalamai proses kerja perolehan bahan bagi pembangunan koleksi perpustakaan dan proses pengkatalogan bahan bagi kemudahkesanan dan capaian kepada sumber rujukan yang disediakan untuk pengguna Perpustakaan, khususnya warga universiti di dalam menjayakan kelangsungan aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di UTM.

Di saat sumber kewangan semakin meruncing, kami di BPSK tetap berusaha untuk meneruskan pembangunan koleksi demi kesinambungan ilmu di UTM, juga demi kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran bagi seluruh warga UTM. Sedikit kejayaan kecil namun besar impaknya kepada perkembangan ilmu dikalangan masyarakat Universiti melalui BPSK iaitu, pembangunan dan pemantapan Koleksi Khazanah Intelektual Johor daripada sumber bahan hadiah dan belian. Juga, untuk pelajar peringkat menengah, langkah awal telah diatur dengan membangunkan koleksi buku rujukan sekolah di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTMJB disamping galakan penyertaan mereka sebagai ahli luar Perpustakaan UTM.

Adakalanya kesempitan itu membuka luas peluang baharu yang perlu kita lihat dari sudut yang positif. Justeru, saya berharap semua warga kerja BPSK akan terus memberikan komitmen yang tinggi di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka di dalam usaha menjadikan Perpustakaan UTM untuk terus kekal relevan bagi menjayakan pembangunan sumber untuk menyokong kurikulum pembelajaran abad ke 21 UTM!

Salam hormat daripada saya :

*Hastina Nasir*

KETUA BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER & KATALOG

## MUKASURAT

## SENARAI RAJAH

### UNIT PEROLEHAN BAHAN DAN UNIT JURNAL & MEDIA LEKTRONIK


- 11 Rajah 1.1 : Perbandingan Jumlah Peruntukan 2014 – 2018.
- 11 Rajah 1.2 : Pecahan Jumlah Sumber Peruntukan 2018.
- 12 Rajah 1.3 : Perbandingan Jumlah Agihan Peruntukan 2014 – 2018 Mengikut Unit.
- 22 Rajah 1.4 : Pecahan Koleksi Bahan di PUTM Mengikut Jenis Bahan.
- 26 Rajah 1.5 : Perbandingan Jumlah Pembekalan Majalah Popular Mengikut Pembekalan dan Tahun.

### Jadual Dalam Penulisan Ulasan

- 17 Jadual A : Kandungan Digital Perpustakaan UTM.
- 17 Jadual B : Perincian Pencapaian Balanced Score Card.
- 17 Jadual C : Perbandingan Pencapaian Balanced Score Card.
- 20 Jadual D : Semakan Akses Judul Jurnal Pangkalan Data Teks Penuh.
- 21 Jadual E : Median Time of Document Acquisition (MTDA).
- 21 Jadual F : Cost Per Download.

### UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL DAN UNIT HADIAH & PERTUKARAN

- 33 Rajah 2.1 : Pencapaian Mengikut Kategori Staf.
- 33 Rajah 2.2 : Pencapaian Mengikut Jenis Bahan.
- 34 Rajah 2.3 : Pencapaian KAI Mengikut Jenis Bahan.
- 35 Rajah 2.4 : Pencapaian Pustakawan & Pembantu Pustakawan.
- 36 Rajah 2.5 : Pencapaian Aksesan Bahan.
- 37 Rajah 2.6 : Median Time Document Processing (MTDP) : BS11620 – B.3.2.2.
- 39 Rajah 2.7 : Perbandingan Sasaran & Pencapaian Pustakawan.
- 39 Rajah 2.8 : Pencapaian Keseluruhan Pustakawan UPT dan UHP.
- 40 Rajah 2.9 : Pencapaian Keseluruhan Pembantu Pustakawan UPT dan UHP.
- 40 Rajah 2.10 : Perbandingan Pencapaian Keseluruhan Pembantu Pustakawan UPT dan UHP.
- 41 Rajah 2.11 : Penerimaan Bahan Mengikut Jenis.
- 42 Rajah 2.12 : Penghantaran Bahan Mengikut Jenis Bahan dan Lokasi.
- 43 Rajah 2.13 : Pengurusan Permohonan Bahan Segera Mengikut Tempoh Bilangan Hari.
- 44 Rajah 2.14 : Pecahan Tindakan Pembetulan Mengikut Jenis Pembetulan



Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog (BPSK) adalah hasil penggabungan dua Bahagian utama, iaitu Bahagian Pembangunan Sumber (BPS) dan Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran (BKHP), yang mula beroperasi pada 1 Jun 2018.

4 Unit utama berada di bawah naungan BPSK terdiri daripada :

- i. Unit Perolehan Bahan (UPB).
- ii. Unit Jurnal, Media & Elektronik (UJME)
- iii. Unit Pengurusan Teknikal (UPT).
- iv. Unit Hadiah & Pertukaran (UHP).

BPSK mempunyai peranan yang utama untuk membangunkan koleksi Perpustakaan UTM melalui aktiviti perolehan bahan belian, jurnal & media elektronik, bahan hadiah serta memproses dan mengkatalog bahan, BPSK digembeleng oleh 17 orang staf profesional dan pelaksana seperti pecahan berikut :

- i. 5 orang staf profesional.
- ii. 12 orang staf pelaksana.

Setiap Unit di BPSK diterajui oleh seorang Pustakawan Kanan (S44 & S41/44), bersama-sama disokong secara keseluruhan dengan 1 orang Pembantu Pustakawan Kanan (S22), 8 orang Pembantu Pustakawan (S19/22 & S19), 2 orang Pembantu Tadbir (N22 & N19) dan seorang Pembantu Operasi (N11). Sehingga akhir Disember 2018, 2 orang staf telah berpencen wajib dan pencegat pilihan, menjadikan jumlah staf semasa adalah seramai 15 orang sahaja.



### OBJEKTIF :-

- Untuk memperoleh dan membangunkan koleksi perpustakaan dalam pelbagai format seperti monograf, audio, visual, jurnal, media elektronik, pangkalan dataas talian, bahan kartografi dan sebagainya untuk menyokong pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan serta aktiviti perundingan di UTM.
- Untuk membangun dan memperkayakan koleksi perpustakaan melalui hadiah dan pertukaran dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan.
- Mewujudkan satu garis panduan pengurusan pengkatalogan, pengkelasan dan penetapan tajuk perkara serta garis panduan melengkapkan fizikal bahan yang dijalankan secara sistematis, teratur dan berterusan.
- Menyediakan rekod bibliografik yang lengkap bagi semua bahan yang diperolehi oleh Perpustakaan UTM.
- Melengkapkan fizikal bahan yang telah diproses dengan membuat label bahan dan maklumat fizikal untuk tujuan rujukan dan pinjaman.
- Mengawasi dan membuat kemaskini maklumat fail kuasa bagi pengarang, perkara dan juga siri di dalam sistem perpustakaan.

### FUNGSI :-

- Menyediakan bahan yang bersesuaian dalam pelbagai format seperti buku, jurnal, media elektronik, alat pandang dengar, peta, fotograf udara dan sebagainya untuk menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan, penulisan, penerbitan dan perkhidmatan kepada masyarakat.
- Memastikan semua permohonan pembelian diproses dan diurus pembayaran setiap tahun mengikut peruntukan yang diterima.
- Memproses pesanan bahan yang diterima mengikut masa yang telah ditetapkan.
- Memproses bahan hadiah dan pertukaran sebagaimana yang dinyatakan Dasar Perolehan Bahan Hadiah dan Pertukaran.
- Menginput dan menyelenggara maklumat bibliografik bahan dalam sistem perpustakaan.
- Mengkatalog bahan yang terdiri daripada bahan belian dan hadiah serta mengawasi aktiviti pengkatalogan yang dilaksanakan di Perpustakaan UTM Cawangan dan Perpustakaan Fakulti.



### FUNGSI :-

- Mengurus bahan perpustakaan melalui pembelian.
- Memproses bahan yang diterima.
- Mengurus bayaran perolehan bahan.
- Menilai prestasi pembekal.
- Mengawal keselamatan bahan dalam proses perolehan.
- Mengurus stok bahan perpustakaan.

### OBJEKTIF :-

Bertanggungjawab memperoleh dan membangunkan koleksi perpustakaan dalam format bercetak seperti monograf, bahan pandang dengar dan bahan kartografi untuk menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan, penulisan dan penerbitan di UTM.



### FUNGSI :-

- Mengurus peruntukan Vot Mengurus, Vot RU dan Vot Overhead mengikut pangkalan data dan jurnal yang berkaitan.
- Memproses pembayaran pembelian dan langganan jurnal dan media elektronik.
- Memastikan semua permohonan pembelian dapat dipertanggungkan dan dibayar sebelum Disember setiap tahun.
- Memproses bahan yang diterima dengan tepat dan cepat.
- Menyediakan data berkaitan peruntukan, pembayaran dan jumlah bahan terbitan dari senarai jurnal dan pangkalan data dalam langganan Perpustakaan.

### OBJEKTIF :-

Unit Jurnal & Media Elektronik bertanggungjawab bagi menguruskan perolehan bahan bersiri dalam bentuk cetak, media elektronik dan pangkalan data bagi menyokong pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dalam perkhidmatan perpustakaan.

Menguruskan pembelian, langganan dan pembaharuan langganan jurnal dan media elektronik mengikut keperluan pelajar, pensyarah dan penyelidik UTM.




## FUNGSI :-

Bertanggungjawab dalam urusan pengendalian bahan belian untuk dikatalog, dilabel dan dihantar mengikut lokasi yang telah ditetapkan merangkumi aspek pengawasan yang teliti terhadap :

- Penyediaan dan penyelarasan piawaian yang ‘standard’ bagi aktiviti pengkatalogan bahan selaras dengan piawaian antarabangsa dan kebangsaan.
- Mengawalselia keseragaman rekod bibliografik bahan di dalam Sistem Pengurusan Perpustakaan.

## OBJEKTIF :-

- Memproses katalog bahan yang diterima oleh Perpustakaan UTM dan memastikan ia mempunyai rekod bibliografi dan ‘holdings’ di dalam Sistem Katalog Berkomputer Perpustakaan (LMS).
- Mengkatalog bahan mengikut piawaian pengkatalogan antarabangsa dan dasar yang dipraktikkan di Perpustakaan UTM bagi memastikan kualiti bahan yang diproses serta paparan rekod bahan yang dimuatkan di dalam Sistem Perpustakaan LESTARI adalah komprehensif dan tepat.
- Membuat pembetulan dan kemaskini bahan yang diterima daripada Unit Sirkulasi dan daripada lain-lain Bahagian dan Unit di Perpustakaan UTM, dan memastikan maklumat bahan di dalam sistem perpustakaan adalah betul dan tepat.
- Menyelenggara rekod melalui semakan fail kuasa bagi memastikan keseragaman rekod serta bagi membolehkan rujukan rekod yang komprehensif kepada pengguna.



### FUNGSI :-

Membangunkan koleksi Perpustakaan melalui permohonan dan penerimaan bahan hadiah serta pertukaran bahan antara organisasi sama ada badan kerajaan atau swasta.

### OBJEKTIF :-

- Bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan dan penerimaan bahan-bahan hadiah yang diterbitkan secara percuma dari pelbagai sumber bercetak dan elektronik daripada universiti dalam/luar negara, agensi kerajaan, badan berkanun, agensi swasta, institusi dan organisasi dalam/luar negara, serta orang perseorangan bagi pembangunan koleksi bahan Perpustakaan UTM.
- Bertanggungjawab untuk menguruskan pertukaran bahan terbitan UTM kepada universiti dalam negara, agensi kerajaan atau swasta bergantung pada jumlah bahan yang diterima dari fakulti/jabatan di UTM.
- Bertanggungjawab untuk menguruskan serahan bahan terbitan UTM kepada Perpustakaan Negara Malaysia tertakluk kepada Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).

**HASLINA NASIR**

Ketua Bahagian – S48

nhaslina@utm.my

07 – 553 0107

**HASLINA HUSSIN**

Pustakawan Kanan – S44

Unit Pengurusan Teknikal

haslinahussin@utm.my

07 – 553 0112

**SALINA SHAMSHURI**

Pustakawan Kanan – S44

Unit Hadiah &amp; Pertukaran

salinasham@utm.my

07 – 553 0133

**ZURINA ROSMANI**

Pustakawan Kanan – S41/44

Unit Jurnal &amp; Media Elektronik

zurina@utm.my

07 – 553 0026

**MUZAIMAH MOHD. YUNUS**

Pustakawan Kanan – S41/44

Unit Perolehan Bahan

muzaimah@utm.my

07 – 553 0095

**ROHAYU MOHAMAD HATIM**

Pembantu Pustakawan KUP – S19/22

Unit Perolehan Bahan

rohayu@utm.my

07 – 553 0189

**MOHD. YUNUS WAHAB**

Pembantu Pustakawan KUP – S19/22

Unit Perolehan Bahan

yunuswahab@utm.my

07 – 553 0189

**IZATUL ASMA ABD. RAHMAN**

Pembantu Pustakawan – S19

Unit Jurnal &amp; Media Elektronik

izatulasma@utm.my

07 – 553 0189

**FARIDAH PATONI**

Pembantu Tadbir – N19

Unit Jurnal &amp; Media Elektronik / Unit Perolehan

Bahan

pfaridah@utm.my

07 – 553 1115

**SITI ATIQAH NORSALIM**

Pembantu Operasi – N11

Bahagian Pembangunan Sumber &amp; Katalog

sitiatiqah@utm.my

07 – 553 0189



**SAIFUL BAHRI ABD. RAHMAN**

Pembantu Pustakawan KUP – S19/22

Unit Pengurusan Teknikal

saifulbahri@utm.my

07 – 553 0127

**MUZANNI SUBAKHIR**

Pembantu Pustakawan – S19/22

Unit Pengurusan Teknikal

muzanni@utm.my

07 – 553 0127

**NOR DIANA MOHSIN**

Pembantu Pustakawan – S19

Unit Hadiah &amp; Pertukaran

nordianamohsin@utm.my

07 – 553 0127

**NURFARAHIN JASMINE SEE ABDULLAH**

Pembantu Pustakawan KUP – S19/22

Unit Hadiah &amp; Pertukaran

nurfarahin@utm.my

07 – 553 0127

**HAMSAPINAH HAMDAN**

Pembantu Tadbir Kanan – NA22

Unit Pengurusan Teknikal / Unit Hadiah &amp; Pertukaran

hamsapinah@utm.my

07 – 553 0127



# UNIT PEROLEHAN BAHAN UNIT JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK



# PERUNTUKAN KEWANGAN KESELURUHAN

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK


### PERUNTUKAN KEWANGAN

Sepanjang tahun 2018, jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima bagi mengurus perolehan bahan, jurnal & media elektronik adalah sebanyak RM11,725,232.50, berdasarkan pecahan mengikut vot yang telah disalurkan.

Peruntukan ini tahun 2018 ini memberi suntikan yang agak baik, iaitu 23% peningkatan secara keseluruhan berbanding tahun sebelumnya. Punca saluran peruntukan ini terdiri daripada 4 sumber utama yang terdiri daripada :

- i. Vot Mengurus : RM2,050,000.00 / 17%.
- ii. Vot RU (baki 2017) : RM4,198,981.08 / 36%.
- iii. Vot R – Peruntukan Overhead (baki 2017) : RM1,476,251.42 / 13%.
- iv. Vot R – Peruntukan Overhead (2018) : RM4,000,000.00 / 34%.


#### TAHUN



Rajah 1.1 : Perbandingan Jumlah Peruntukan 2014 – 2018.

Peruntukan Vot Mengurus yang diterima turut merangkumi keperluan bagi PUTM Johor Bahru dan PUTM Kuala Lumpur. Jumlah penurunan peruntukan berbanding kenaikan kadar tukaran mata wang asing telah memberi impak terhadap aktiviti pembangunan koleksi Perpustakaan. Dengan kenaikan harga bahan rujukan, situasi ini menuntut kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat agar nisbah bahan berbanding pelajar dapat dikekalkan pada kadar yang ditetapkan.

Sehubungan itu, sebagai langkah proaktif satu kertas kerja permohonan peruntukan kepada pihak pengurusan tertinggi UTM telah diusahakan. Hasilnya, peruntukan tambahan berjumlah RM4,000,000.00 telah berjaya diperolehi daripada Vot R – Vot Overhead pada 5 November 2018. Seterusnya peruntukan sebanyak RM4,198,981.08 merupakan baki vot RU yang diperolehi dari tahun sebelumnya dan RM1,476,251.42 merupakan peruntukan Vot Overhead yang dibawa dari tahun sebelumnya.



Rajah 1.2 : Pecahan Jumlah Sumber Peruntukan 2018.

Suntikan dana tambahan ini telah menyumbang kepada 82% daripada keseluruhan peruntukan Bahagian Pembangunan Sumber dan Katalog bagi tahun 2018.

# PERUNTUKAN KEWANGAN KESELURUHAN

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

Merujuk kepada agihan peruntukan bagi tempoh 5 tahun terakhir, mulai 2014, aliran peruntukan UJME dilihat mengalami penyusutan jumlah keseluruhan, namun pada 2017 dilihat terdapat sedikit peningkatan, diikuti dengan tahun 2018 yang semakin ketara jumlah peningkatannya. Peruntukan jurnal bukan sahaja dari Vot mengurus tetapi ditampung juga dari Vot RU dan Vot Overhead bagi memastikan kesinambungan langganan Pangkalan Data sedia ada dapat diteruskan. Keadaan ini bertitik tolak daripada keputusan kerajaan Malaysia untuk melaksanakan langkah-langkah perbelanjaan berhemah mulai tahun 2014. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/2014 yang telah dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia pada 2 Januari 2014, UTM diminta untuk mematuhi dan melaksanakan beberapa langkah bagi mengurang dan mengawal perbelanjaan Universiti selaras dengan saranan kerajaan. Rentetan daripada kawalan itu, pada tahun 2015 pihak Universiti telah memberi penekanan kepada dasar berjimat cermat dan perbelanjaan berhemah dengan memastikan perbelanjaan Universiti adalah berteraskan prinsip penggunaan sumber secara optimum dan nilai wang (*value for money*). Selaras dengan itu, semua aktiviti perolehan Perpustakaan telah disusun semula mengikut keutamaan dengan tumpuan diberikan kepada aktiviti yang dapat menyumbang kepada pencapaian optimum, cekap dan berkesan.



Rajah 1.3 : Perbandingan Jumlah Agihan Peruntukan 2014 – 2018 Mengikut Unit.

Corak yang sama juga berlaku bagi peruntukan UPB, namun mula mengalami penyusutan yang agak ketara mulai 2015 hingga 2017, dan kembali meningkat pada 2018. Walau bagaimanapun, bagi peruntukan untuk pembelian bahan buku, jumlah yang diagihkan ini dikongsi bersama dengan PUTM-PSZKL dengan pecahan RM300,000.00 : PUTM-PSZJB dan RM100,000.00 : PUTM-PSZKL. Secara keseluruhannya, aktiviti perolehan bahan rujukan disokong sepenuhnya oleh peruntukan tambahan yang diterima iaitu daripada Dana Vot RU dan Vot R -Overhead. Dana tambahan ini telah menyumbang kepada 82% daripada keseluruhan peruntukan BPSK pada tahun 2018.

# PERUNTUKAN KEWANGAN KESELURUHAN

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

Secara ringkasnya, UPB telah berjaya menyelesaikan pembayaran sebanyak RM2,039,539.48 iaitu 99.4% daripada peruntukan keseluruhan Vot Mengurus yang berjumlah RM2,050,000.00. Baki daripada peruntukan Vot RU sejumlah RM4,198,981.08 telah dibelanjakan sebanyak 100.05% iaitu jumlah perbelanjaan sebanyak RM4,201,417.76. Manakala peruntukan dari Vot R-Overhead telah mencatatkan perbelanjaan sebanyak 7% sahaja. Ini disebabkan peruntukan daripada Vot R sebanyak RM4,000,000.00 hanya diterima pada 5 November 2018. Manakala, baki peruntukan dari Vot R itu digunakan untuk menampung perbelanjaan pembaharuan langganan awal tahun 2019. Proses pembaharuan langganan Pangkalan Data Web of Science, Science Direct, Springer Link serta beberapa pangkalan data lain yang mengambil masa untuk menjalani proses dan tatacara yang telah ditetapkan dan untuk mendapat kelulusan jawatankuasa yang terlibat.

Sebagai rumusan, BPSK telah melaksanakan pelbagai usaha dengan mengembangkan segala sumber yang ada dalam menjamin perolehan dan pemantapan koleksi Perpustakaan. Pelbagai Inisiatif telah pun dirancang dalam meneruskan usaha membangun koleksi Perpustakaan yang relevan dengan keperluan warga kampus sama ada melalui pembelian bahan bercetak mahupun melalui langganan pangkalan data dan e-jurnal. Dengan itu diharapkan agar koleksi yang dibangunkan akan memberi manfaat kepada pengguna secara optimum dan dapat meningkatkan keberkesanan perkhidmatan rujukan selari dengan kos yang telah dibelanjakan.

### PEMBELIAN BAHAN BACAAN

Sepanjang tahun 2018, sejumlah RM400,000.00 telah diperuntukan untuk pembelian buku dan bahan pandang dengar (BPD) melalui Unit Perolehan Bahan (UPB). Daripada jumlah ini pula, sebanyak RM300,000.00 telah diagihkan untuk Perpustakaan UTM Johor Bahru (PUTMJB) manakala sejumlah RM100,000.00 pula kepada Perpustakaan UTM Kuala Lumpur (PUTMKL). Secara keseluruhan, jumlah peruntukan untuk perolehan bahan bacaan meningkat sebanyak 33% berbanding tahun sebelumnya.

Sejumlah 1,196 naskhah telah dibuat pesanan bagi PUTMJB, namun, daripada jumlah keseluruhan ini 97% penerimaan telah berjaya diterima pada 2018 mewakili 1,160 naskhah daripada jumlah pesanan yang telah dilaksanakan.

Aktiviti penerimaan dan perbelanjaan tahunan bagi 2018 adalah menggunakan Vot Mengurus (Vot B27305 dan B27306) dan Vot Overhead yang telah diagihkan mengikut pecahan Fund ID. Kesemua pesanan bahan telah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan melalui pembekal buku berdaftar di bawah Kementerian Kewangan Malaysia.

Sejumlah 1,160 naskhah pesanan atau 97% telah berjaya diterima oleh UPB sepanjang tahun 2018. Namun, sebanyak 25 naskhah tidak dapat dibekalkan oleh pembekal pada tahun 2018 dan akan dibekalkan pada tahun 2019 dengan nilai anggaran sebanyak RM17,395.75. Manakala baki 11 naskhah merupakan bahan yang telah dibatalkan pesanan atas sebab masalah penerbitan (*not yet publish*) dan masalah pembekalan bahan yang telah diterima melalui laporan pembekal.

Bermula tahun 2017, proses kerja perolehan perlu mengikuti tatacara perolehan yang telah ditetapkan dengan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia dan Pekeliling Bendahari UTM.

Berdasarkan kaedah perolehan ini, Kertas Kerja Agihan Peruntukan & Perancangan Aktiviti Perolehan Buku & Bahan Pandang Dengar akan dibentangkan dan diluluskan pada setiap awal tahun di dalam Mesyuarat Eksekutif Perpustakaan. Kertas kerja ini akan memperincikan perancangan aktiviti perolehan sepanjang tahun mengikut nilai peruntukan yang diterima. Perincian aktiviti akan diagihkan kepada fakulti mengikut kadar yang telah ditetapkan dalam Dasar Perpustakaan serta bergantung kepada jumlah peruntukan yang diterima.

Seterusnya, Kertas Kerja Pembelian Buku dan Bahan Pandang Dengar yang memperincikan agihan mengikut fakulti dan pembekal berdaftar akan disediakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Perpustakaan. Aktiviti pembelian buku akan dilakukan setelah kertas kerja tersebut diperakui dan mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Perpustakaan.

## LANGGANAN PANGKALAN DATA 2018

Sepanjang tahun 2018, Perpustakaan UTM melanggan sejumlah 13 pangkalan data berbanding tahun 2017 sebanyak 20 pangkalan data. Langganan jurnal elektronik pula menurun kepada 10 judul pada tahun 2018 berbanding langganan sebanyak 33 judul pada tahun 2017. Penurunan langganan ini adalah kerana kekurangan peruntukan yang diterima bagi tahun 2018. Keperluan dan penggunaan jurnal serta pangkalan data ini sentiasa diberi perhatian agar pengguna dapat mengaplikasikan penggunaannya dengan maksima di samping mendatangkan kesan positif kepada keberkesanannya kos memandangkan kos kenaikan harga tahunan.

Langganan kepada Pangkalan Data British Standard Online Library telah ditamatkan pada 5 Jun 2018 kerana kekurangan peruntukan. Manakala Pangkalan Data Emerald yang ditamatkan langganan pada Disember 2016 telah dilanggan semula pada 1 September 2018 kerana permintaan tinggi terhadap Pangkalan Data yang menawarkan subjek sains sosial. Seterusnya Pangkalan Data Reaxys yang menyediakan maklumat di dalam bidang kimia telah dilanggan pada 1 Oktober 2018 bagi menggantikan Pangkalan Data Sci-Finder di atas faktor kos langganan Reaxys yang lebih murah berbanding pangkalan data sebelumnya.

Berikut adalah senarai pangkalan data yang berada dalam langganan PUTM pada tahun 2018.

- i. ACM
- ii. ASME
- iii. Datastream
- iv. Emerald
- v. Engineering & Applied Science
- vi. IEEE Explore
- vii. JSTOR
- viii. Lexis Malaysia
- ix. OnePetro
- x. Science Direct
- xi. SpringerLink
- xii. Web Of Science
- xiii. Reaxys

Perisian dan *Tools* Pengkatalogan

- i. Classification Web
- ii. RDA Toolkits
- iii. Turnitin

Manakala koleksi artikel dalam pangkalan data e-jurnal pada tahun 2018 telah meningkat sebanyak 15.45% kepada 1,250,773 berbanding sebanyak 1,084,054 pada tahun 2017. Manakala judul e-tesis juga telah meningkat sebanyak 2,294,961 berbanding jumlah judul pada tahun 2017 iaitu sebanyak 2,242,637. Jumlah judul e-buku masih sama kerana tiada pembelian baru untuk buku elektronik. Seterusnya tiada peningkatan pada e-standard kerana langganan kepada British Standard Online telah ditamatkan.

### LANGGANAN JURNAL ELEKTRONIK 2018

Pada tahun 2018 Perpustakaan telah melanggan sebanyak 10 judul jurnal elektronik seperti berikut:

- i. Canadian Geotechnical Journal
- ii. Chemistry Letters
- iii. Current Computer - Aided Drug Design
- iv. Current Nanoscience
- v. International Journal of Chemical Reactor Engineering
- vi. JAMA : Journal of the American Medical Association
- vii. Journal of Geology, The
- viii. Mathematics of Computations
- ix. Science
- x. Water Resources Research

### LANGGANAN MAJALAH POPULAR 2018

Langganan jurnal cetak telah ditamatkan sepenuhnya pada tahun 2016 dan hanya mengekalkan langganan majalah popular sebanyak 12 judul pada tahun 2018. Penamatan langganan ini terpaksa dilakukan kerana peruntukan yang terhad dan tidak mencukupi.

- i. Al-Islam
- ii. Dewan Ekonomi
- iii. Dewan Kosmik
- iv. Dewan Masyarakat
- v. Dewan Siswa
- vi. Fortune
- vii. Just English
- viii. National Geographic
- ix. Readers Digest
- x. Solusi
- xi. The Economist
- xii. Time

# PENCAPAIAN KEY AMAL INDICATORS (K.A.I)

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

### KEY AMAL INDICATORS (KAI)

Selain Bahagian Repotori dan Metadata, BPSK turut bertanggungjawab di dalam meningkatkan kandungan Digital Perpustakaan dan dilaporkan dalam Key Amal Indicators (KAI) tahunan Perpustakaan yang juga merupakan KAI UTM. PUTM dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan kandungan digital sebanyak 20% dari jumlah tahun semasa.

Jadual A : Kandungan Digital Perpustakaan UTM

BIL.	JENIS KANDUNGAN	JUMLAH	TANGGUNGJAWAB
1	E - Jurnal	1,250,773	KPSK
2	E - Buku	59,030	KPSK
3	E - Tesis	2,294,961	KPSK
4	E - Standard	338,096	KPSK
5	E - Video	52,324	KPSK
6	Inst. Repository (IR)	48,950	KRM
7	Doc. Management System (DMS)	117,667	KRM

Jadual B : Perincian Pencapaian Balanced Score Card

JUMLAH PADA DISEMBER 2018	4,161,801
SASARAN 2018 (20%)	719,728
PENCAPAIAN 2018	563,163 (15.6%)
PENCAPAIAN 2017	289,533 (8.5%)
PERATUS PENCAPAIAN 2016	13.2%
JUMLAH KESELURUHAN	4,473,813

Jadual C : Perbandingan Pencapaian Balanced Score Card

STRATEGIC OBJECTIVE	CODE	KPI (M)	ACHIEVEMENT		
			2016	2017	2018
STAKEHOLDER PERSPECTIVE					
L2.	Conducive working environment and well equipped facilities	L2.1	Increase of library digital content	514,644 @ 13.2%	289,533 @ 8.5% <b>563,163 @15.6%</b>

### OBJEKTIF KUALITI – UNIT PEROLEHAN BAHAN (UPB)

Dengan jumlah peruntukan yang diterima oleh UPB pada tahun 2018 sebanyak RM300,000.00, aktiviti pesanan pembelian telah mencapai objektif kualiti kerana telah melebihi sasaran 97% dari jumlah peruntukan iaitu sebanyak 97.21% atau bersamaan RM291,628.27. Melalui dua daripada tiga objektif kualiti yang memberi penekanan kepada aspek pesanan dan penerimaan, berikut merupakan perincian kepada objektif kualiti UPB :

- i. Memastikan pesanan pembelian dilaksanakan berdasarkan varian 3% daripada peruntukan tahunan semasa.
- i. Memastikan penerimaan dan pembayaran dilaksanakan berdasarkan varian 3% daripada peruntukan tahunan semasa.

Walau bagaimanapun aktiviti penerimaan/pembayaran tidak mencapai sasaran iaitu sebanyak 93.06% atau RM279,194.51 yang telah dibuat pembayaran. Pembayaran tidak dapat dilakukan bagi invois berjumlah RM20,222.84 kerana berlaku kesilapan teknikal pada invois tersebut, dan pihak UPB menerima pemulangan invois pada 27 Disember 2018. Sehubungan itu tindakan pembetulan invois tidak dapat dilakukan kerana semua aktiviti pembayaran ditutup secara rasmi pada 28 Disember 2018. Pembayaran invois tersebut akan menggunakan peruntukan tahun 2019.

Menerusi objektif kualiti yang ketiga, iaitu memproses pembayaran invois dalam tempoh 9 hari bekerja dari tarikh pemeriksaan lengkap bahan, secara keseluruhan terdapat 23 invois (6.5%) melebihi tempoh proses 9 hari bekerja. Berikut merupakan penerangan bagi invois yang telah melebihi tempoh yang ditetapkan :

- i. Julai : 6 invois - UTMFin bermasalah.
- ii. Ogos : 7 invois - UTMFin bermasalah / 4 invois - Invois bermasalah (invois penerbit dan invois pembekal tidak sama).
- iii. Oktober : 1 invois - Invois bermasalah (invois penerbit dan invois pembekal tidak sama).
- i. November : 1 invois - Tiada Delivery Order (DO) / 4 invois - Invois bermasalah (invois penerbit dan invois pembekal tidak sama).

Manakala bagi objektif kualiti yang terakhir, iaitu memastikan proses penerimaan, aksesan dan penghantaran bahan ke UPT dibuat dalam masa lima (5) hari bekerja kecuali bahan yang perlu tindakan susulan, telah berjaya dicapai sepenuhnya bagi tahun 2018. Sejumlah 1,103 naskhah telah berjaya dibuat proses aksesan dalam tempoh tidak melebihi 5 hari bekerja berbanding tahun 2017 yang telah merekodkan sebanyak dua (2) naskhah diaksesan melebihi tempoh 5 hari bekerja.

### OBJEKTIF KUALITI – UNIT JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

Unit Jurnal & Media Elektronik (UJME) mempunyai empat (4) objektif kualiti di dalam memastikan pengurusan pembelian dan pembaharuan langganan jurnal dan media elektronik untuk keperluan warga Universiti dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Melalui objektif kualiti pertama, memastikan proses penerimaan, aksesan dan penghantaran bahan ke rak layanan terbuka dalam masa 5 hari bekerja, UJME telah membuat proses penerimaan, aksesan dan penghantaran 429 naskah majalah ke rak dalam tempoh 5 hari .

Bagi objektif kualiti yang kedua iaitu memastikan judul jurnal elektronik dan pangkalan data baru dihantar kepada P(PT) untuk diindeks dan P(PM) untuk makluman di Portal PSZ dalam jangka masa 3 hari dari tarikh pemakluman oleh Penerbit, telah melibatkan satu (1) judul pangkalan data atas talian iaitu Pangkalan Data Reaxys telah gagal mencapai sasaran.

- Emel makluman pautan kepada Reaxys dari vendor - 11/10/2018.
- Emel pemakluman kepada BPMP – 11/10/2018.
- Email makluman pertama kepada pihak Unit Pengurusan Teknikal - 11/10/2018.
- Email makluman kedua kepada pihak Unit Pengurusan Teknikal - 14/10/2018 (makluman URL Reaxys). *Date created* di sistem oleh UJME pada 21.10.2018 (tarikh rekod bahan mula diwujudkan dalam sistem).
- Rekod bibliografik untuk Reaxys siap dikatalog – 22/10/2018.

Memastikan invois yang tiada bermasalah diproses pembayaran ke pihak Bendahari dalam jangkamasa tidak lebih dari 9 hari dari tarikh invois diterima adalah objektif kualiti ke tiga UJME. tidak mencapai sasaran. Bagi tempoh Januari – Jun 2018, 1 (14%) daripada 7 (86%) invois yang melibatkan invois RDA Toolkits telah lambat kerana masalah dari system UTMFin yang tidak boleh diakses. Manakala bagi tempoh Julai – Disember 2018, 32 invois (88%) telah diproses tidak lebih dari 9 hari dan 4 invois (12%) telah diproses melebihi 9 hari. Antara punca kelewatan adalah seperti berikut :-

- Invois IEEE diterima pada 26/7/18 dan diproses pada 3/10/2018. Invois IEEE telah dihantar terlebih dahulu sebelum perjanjian ditandatangani. Pihak UJME mengikut tatacara pembayaran iaitu invois diproses setelah perjanjian ditandatangani.
- Invois bagi Sage Imeche Proceeding Hosting Fees dan Sage 2010 Deep Back File Hosting Fees bertarikh 30/10/2018 dan proses pembayaran dilakukan pada 18/11/2018. Pembayaran menggunakan vot Overhead dibatalkan dan bertukar kepada Vot Mengurus bagi memastikan baki Vot Mengurus digunakan sepenuhnya.
- Invois Dewan Kosmik diterima pada 29/10/18 dan proses pembayaran dilakukan pada 19/11/18. Invois tersebut lambat diproses kerana pembetulan pada alamat pembekal iaitu Koperasi UTM Berhad.

# PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

Manakala Objektif Kualiti yang keempat, memastikan semakan akses kepada judul jurnal pangkalan data teks penuh langganan Perpustakaan UTM dibuat berdasarkan senarai yang telah diperakui dalam lesen perjanjian atau dokumen lain disahkan oleh penerbit. Sepanjang Januari-Disember 2018, semakan akses telah dilakukan kepada tiga Pangkalan Data iaitu Science Direct, ICE dan IEEE. Semakan kepada Pangkalan Data Science Direct telah dilakukan pada bulan Februari 2018 kepada sejumlah 2228 tajuk jurnal. Manakala semakan kepada Pangkalan Data ICE pada Mei 2018 (299 rekod) dan IEEE pada bulan Disember 2018 (530 rekod). Hasil semakan adalah seperti berikut :-

Jadual D : Semakan Akses Judul Jurnal Pangkalan Data Teks Penuh

PANGKALAN DATA	BOLEH AKSES (REKOD)	TIDAK BOLEH AKSES (REKOD)	JUMLAH
Sciencedirect (Core)	114	15	129
Sciencedirect (Freedom)	1845	254	2,099
ICE	268	31	299
IEEE	530	0	530
<b>JUMLAH</b>	<b>2,757</b>	<b>300</b>	<b>3,057</b>

Jumlah keseluruhan rekod yang telah disemak bagi Audit Trail bagi tahun 2018 adalah sebanyak 3,057 rekod.

**PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK****BS11620 : MEDIAN TIME OF DOCUMENT ACQUISITION (MTDA) – B.3.2.1**

Jadual di atas menunjukkan perbandingan pencapaian KPI BS 11620 : 2014 bagi Unit Perolehan Bahan tahun 2018 dan tahun 2017. Berlaku peningkatan masa yang ketara bagi iaitu pola pembekalan bahan bagi tahun 2018 memperlihatkan peningkatan kepada tempoh perbekalan bahan jika dibandingkan dengan tahun 2017. Perincian pencapaian MTDA Unit Perolehan Bahan dari Januari hingga Disember 2018 seperti di lampiran 1.

Jadual E : Median Time of Document Acquisition (MTDA)

ITEM REFERENCE	PERFORMANCE INDICATOR	METHODS	ACHIEVEMENT 2017	ACHIEVEMENT 2018
B.3	Efficiency			
	Median Time of Document Acquisition (MTDA)	Rank the days elapsed between ordering and receipting activities for each title. MTDA = days that is in the middle of the ranking list.	MTDA = 30 days	MTDA = 39 days

**BS11620 : COST PER DOWNLOAD - B.3.1.3**

Pencapaian KPI BS 11620 : 2014 bagi Unit Jurnal dan Media Elektronik adalah pengiraan Cost Per Download bagi beberapa Pangkalan Data yang mempunyai data muat turun. Pangkalan Data yang termasuk dalam pengiraan data Cost Per Download adalah seperti berikut

Jadual F : Cost Per Download

NO.	PANGKALAN DATA	COST PER DOWNLOAD
1	SpringerLink	RM1.95
2	ACM	RM2.58
3	JSTOR	RM1.53
4	IEEE	RM5.68
5	Science Direct	RM1.91
6	One Petro	RM0.80

### KOLEKSI PERPUSTAKAAN UTM

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 12.5% koleksi PUTM telah berjaya dibangunkan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11,725,232.50 yang telah digunakan sebaik mungkin untuk memastikan pembangunan koleksi perpustakaan terus berkembang dan kekal signifikan.


Dengan peningkatan sebanyak 573,012 naskah pada 2018, jumlah terkumpul koleksi PUTM adalah sebanyak 5,160,530 naskhah berbanding 4,587,416 naskhah pada 2017. Jumlah ini merangkumi koleksi bahan seperti berikut :

- i. Monograf
- ii. Terbitan bersiri
- iii. Media elektronik
- iv. Bahan kartografi
- v. Bahan audio visual
- vi. UTM Institutional Repository (IR)
- vii. Document Management System (DMS)
- viii. Lain-lain

Jumlah yang direkodkan ini merupakan hasil perolehan daripada pelbagai sumber sama ada belian, langganan, serahan, hadiah dan juga hasil penulisan staf serta pelajar UTM.

Meskipun akur dengan jumlah peruntukan yang tidak konsisten pada setiap tahun, namun BPSK optimis dengan usaha pembangunan koleksi PUTM secara menyeluruh yang melibatkan sinergi daripada beberapa Bahagian lain yang turut berperanan penting untuk meningkatkan jumlah koleksi perpustakaan melalui pelbagai sumber yang relevan dengan keperluan pengguna PUTM.

#### JENIS KOLEKSI



Rajah 1.4 : Pecahan Koleksi Bahan di PUTM Mengikut Jenis Bahan

# LAPORAN PRESTASI PEMBEKAL

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

### UNIT PEROLEHAN BAHAN

#### 1.0 PENGENALAN

Pada tahun 2018, peruntukan yang diterima dan diagihkan kepada Unit Perolehan Bahan (UPB) Perpustakaan UTM (JB) melalui Vot Mengurus ialah sebanyak RM300,000.00 telah meningkat 50% daripada peruntukan tahun 2017 iaitu sebanyak RM150,000.00.

Antara aktiviti pembelian buku dan bahan pandang dengar 2018 ialah melalui cadangan pembelian dari masa ke semasa oleh staf akademik/staf pengurusan melalui emel rasmi atau borang cadangan pembelian, sesi lawatan pembekal ke fakulti dan membangunkan koleksi rujukan, bacaan am, rujukan sekolah menengah dan koleksi Khazanah Intelektual Johor.

#### 2.0 LAPORAN PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL

Pada tahun 2018, sebanyak 13 pembekal aktif yang terlibat dalam aktiviti pembelian buku dan bahan pandang dengar. Pembekal dipilih berdasarkan laporan prestasi pembekal tahun 2017.

Berikut merupakan senarai pembekal aktif tahun 2018:

- i. Ashe Enterprise Sdn. Bhd.
- ii. Areesh Education & Trading Sdn. Bhd.
- iii. Yuha Associates Sdn. Bhd.
- iv. Pustaka Kamza Sdn. Bhd.
- v. Perdana Marketways Sdn. Bhd.
- vi. Ritma Harta Sdn. Bhd.
- vii. YPIJ Books.com Sdn. Bhd.
- viii. Nijuyon Sdn. Bhd.
- ix. Koperasi UTM Berhad
- x. Aliran Ilmu Resources
- xi. Badan Cemerlang Sdn. Bhd.
- xii. Jendela Informasi Sdn. Bhd.
- xiii. Penerbit UTM Press

Keseluruhan pesanan bahan tahun 2018 adalah sebanyak naskhah 1174 judul / 1196 naskhah. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 41% judul dan 42% naskhah berbanding tahun 2017 iaitu 477 judul / 497 naskhah. Lima kriteria yang dinilai :-

- i. Tempoh pembekalan bahan
- ii. Kecekapan pembekalan bahan
- iii. Tempoh penerimaan maklumbalas
- iv. Kekerapan penghantaran status bahan
- v. Lawatan pembekal ke Perpustakaan, UTM Johor Bahru.

# LAPORAN PRESTASI PEMBEKAL

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

### 2.1 Tempoh penyerahan/pembekalan bahan

Jadual 1.16 merujuk kepada pembekalan bahan bagi pesanan 2018. Daripada jadual ini, semua pembekal berjaya membekalkan pesanan bahan tidak melebihi 10 bulan. Hanya 2 judul yang diterima dalam tempoh 9 bulan iaitu pembekalan dari Koperasi UTM Berhad dan Penerbit UTM Press. Badan Cemerlang menerima peratus pesanan judul paling tinggi iaitu 35.3% yang melibatkan pesanan pembelian buku rujukan sekolah menengah dan koleksi kreatif.

Aktiviti lawatan pembekal ke fakulti bagi perolehan cadangan pembelian dari staf fakulti (fasa 1) hanya melibatkan 8 pembekal yang dilantik secara rasmi melalui emel bertarikh 20 Februari 2018 iaitu:

- i. Ashe Enterprise Sdn. Bhd.
- ii. Areesh Education & Trading Sdn. Bhd.
- iii. Yuha Associates Sdn. Bhd.
- iv. Pustaka Kamza Sdn. Bhd.
- v. Perdana Marketways Sdn. Bhd.
- vi. Nijuyon Sdn. Bhd.
- vii. Aliran Ilmu Resources
- viii. Koperasi UTM Berhad

Manakala fasa 2 pula melibatkan 2 pembekal sahaja iaitu Aliran Ilmu Resources dan Koperasi UTM Berhad. Pemilihan pembekal berdasarkan jumlah baki peruntukan dan baki cadangan pembelian yang tidak dimasukkan dalam fasa 1.

Prestasi pembekalan bahan di Unit Perolehan turut diukur melalui elemen B3.2.2 – Median Time of Document Processing di mana produktiviti diukur melalui jangkamasa bahan dipesan, bahan diterima daripada pembekal, diproses sehingga bahan dihantar ke Bahagian Katalog untuk proses seterusnya. Melalui kaedah ini, Unit Perolehan dapat memantau median time iaitu purata masa pembekalan bahan setiap pembekal setiap tahun. Walau bagaimanapun, ia hanya melibatkan bahan firm sahaja dan tidak termasuk bahan Approval. Bahan firm bermaksud bahan yang diperolehi melalui proses pesanan biasa melalui pembekal. Jadual 1.17 menunjukkan purata masa pembekalan bahan 2018 mengikut pembekal yang terlibat.

Scara keseluruhannya, kesemua pembekal berjaya membekalkan bahan tidak melebihi 90 hari dan berjaya mengekalkan keperluan penghantaran bahan dalam masa yang ditetapkan dalam syarat-syarat pembekalan bahan perpustakaan.

### 2.2 Kecekapan Pembekalan (Kesilapan Tidak Melebihi 5% dari Jumlah Pembekalan)

Merujuk kepada Jadual 1.18, jumlah pembekalan invois bagi tahun 2018 adalah sebanyak 354 invois. Daripada jumlah itu, pembekal Aliran Ilmu, Areesh Trading dan Ritma Harta masing-masing dilihat melakukan kesilapan pada 1 inbois yang dibekalkan. Keseluruhan pembekal dilihat dapat mengekalkan kesilapan <5% daripada jumlah pembekalan kecuali Areesh dan Pustaka Kamza. Jika dibandingkan kecekapan pembekal tahun 2017 dan 2018, semua pembekal berjaya mengurangkan bilangan atau tidak melakukan kesilapan invois kecuali pembekal Aliran Ilmu Resources.

### 2.3 Purata Tempoh Penerimaan Maklumbalas (Hari)

Setiap permasalah akan dilaporkan kepada pembekal. Pihak perpustakaan akan merekod tempoh penerimaan maklumbalas iaitu daripada tarikh masalah itu dilaporkan sehingga masalah itu diselesaikan oleh pihak pembekal. Pada tahun 2018 hanya 3 pembekal yang terlibat iaitu Areesh, Ritma Harta dan Aliran Ilmu Resources. Tempoh penerimaan maklumbalas bagi masalah yang dilaporkan adalah di antara 9 hingga 13 hari. Perincian seperti mana di Jadual 1.19.

### 2.4 Kekerapan Menghantar Status Bahan

Merujuk kepada Jadual 1.20 sebanyak 16 pesanan pembelian telah dibuat pembatalan berdasarkan maklumbalas dari pembekal yang terlibat. Melalui laporan ini, maklumat terkini mengenai status pembekalan dapat diketahui dan maklumbalas status pesanan kepada pencadang dapat dibuat.

### 2.5 Lawatan & Perbincangan Dua Hala Pembekal Bersama Pustakawan/Staf Unit Perolehan Bahan

Jadual 1.21 menunjukkan bahawa PSZ telah menerima 41 kunjungan daripada 11 syarikat pembekal buku sepanjang tahun 2018. Tujuan utama lawatan adalah bagi penghantaran bahan dan perbincangan berkaitan masalah pembekalan bahan. Walau bagaimanapun kebanyakan pembekal lebih mudah berhubung melalui talian telefon dan aplikasi WhatsApp dan emel.

## 3.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya aktiviti perolehan berada di tahap perlahan namun komitmen dan prestasi pembekal masih lagi di tahap yang baik. Jumlah pesanan pembelian yang ditawarkan kepada pembekal adalah bergantung sepenuhnya kepada cadangan staf akademik secara terus melalui perpustakaan. Secara praktikalnya hanya 80-90% pembelian yang akan diluluskan dan diproses. Ia adalah bergantung kepada semakan bahan dalam koleksi Perpustakaan di mana hanya judul baharu dan berkaitan sahaja yang akan dipesan.

Kesimpulannya, pihak Perpustakaan sentiasa membuat pemantauan terhadap prestasi serta komitmen syarikat pembekal kontrak buku yang dilantik bagi melancarkan aktiviti pesanan dan pembekalan bahan Perpustakaan.

# LAPORAN PRESTASI PEMBEKAL

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

### UNIT JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

#### 1.0 PENGENALAN

Unit Jurnal dan Media Elektronik (UJME) melaksanakan penilaian ke atas prestasi pembekal yang memberi khidmat pembekalan bahan jurnal sama ada dalam bentuk bercetak atau elektronik pada setiap akhir tahun.

Objektif penilaian ke atas pembekalan ini merupakan inisiatif untuk mengawal kuantiti dan kualiti perkhidmatan yang diberikan pembekal agar ia dapat memenuhi keperluan sumber rujukan kepada pengguna perpustakaan.


Kriteria Penilaian Prestasi adalah seperti berikut :-

- i. Pembekalan Jurnal Bercetak.
- ii. Tempoh Pembekalan Invois Langganan Media Elektronik.
- iii. Lawatan dan perbincangan dua hala pembekal dan pihak perpustakaan.

#### 2.0 PEMBEKALAN JURNAL BERCETAK

Pembekal yang terlibat dengan pembekalan jurnal bercetak adalah seperti mana senarai berikut:

- i. Koperasi UTM Berhad (KOOPUTM)
- ii. Utusan Karya
- iii. Transforma



Rajah 1.5 : Perbandingan Jumlah Pembekalan Majalah Popular Mengikut Pembekal dan Tahun.

# LAPORAN PRESTASI PEMBEKAL

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

Rajah menunjukkan perbandingan pembekalan jurnal cetak dan majalah popular dari tahun 2015 hingga 2018. Majalah Al Islam yang diterbitkan oleh Utusan Karya telah diberhentikan penerbitannya pada bulan November 2018. Selain daripada itu, semua isu langganan majalah popular telah diterima 100%. Jadual 1.22 menunjukkan senarai langganan dan pembekalan majalah popular oleh pembekal Koperasi UTM, Transforma dan Utusan Karya.

Untuk memastikan pembekalan majalah popular diterima sepenuhnya tanpa ada isu yang tidak diterima, Unit Jurnal telah membuat penambahbaikan dengan memastikan setiap penerimaan isu dipantau oleh Pustakawan. Sejak pemantauan ini dibuat, isu yang tidak diterima dapat dituntut dengan cepat. Berdasarkan jadual di atas, peratus pembekalan majalah dari Utusan Karya adalah 100% berjaya dibekalkan dalam tempoh dimana isu bulan tersebut dikeluarkan. Manakala pihak Koperasi UTM pula membekalkan 99.4% dan Transforma pula membekalkan 98.4% majalah dalam tempoh di mana isu bulan tersebut dikeluarkan. Sebanyak 6 isu telah berjaya dituntut dan diterima sepenuhnya. Tuntutan ini melibatkan 5 isu majalah yang dibekalkan oleh Transforma dan 1 isu majalah dari KOOP UTM.

UJME akan terus menghantar notis peringatan bagi memaklumkan tahap pencapaian setiap pembekal. Perhatian dan pemantauan yang lebih rapi telah diambil bagi memastikan pembekal dapat mengekalkan tahap perkhidmatan yang cemerlang pada tahun seterusnya. Walau bagaimana pun kebanyakan faktor yang menyumbang kepada penurunan prestasi pembekal berpunca daripada pembekalan bahan yang tidak konsisten dari penerbit dan perkara ini adalah di luar kawalan pembekal. Pencapaian keseluruhan prestasi pembekal adalah sangat memuaskan dalam perkhidmatan yang diberikan.

### 3.0 PEMBEKALAN BAHAN MEDIA ELEKTRONIK

Prestasi pembekalan bahan media elektronik dinilai berdasarkan jangka masa penerimaan inbois dari pembekal kepada Perpustakaan UTM. Pembekal yang dapat membekalkan inbois dalam masa 3 bulan sebelum tarikh tamat langganan dikira sangat memuaskan. Manakala sekiranya inbois tersebut diterima selepas tamat tempoh langganan, maka ia dikira lewat dan tidak memuaskan. Proses ini penting bagi menilai komitmen pembekal terhadap perpustakaan. Walaubagaimana pun pada bulan penghujung Mei 2018 hingga pertengahan Julai 2018, proses Rundingan Terus telah dibekukan dan isu ini telah memberi kesan secara langsung kepada pembaharuan langganan Pangkalan Data.

Sepanjang tahun 2018, sebahagian pembekal judul pangkalan data berjaya menunjukkan prestasi cemerlang apabila berjaya menghantar inbois dalam tempoh 1 – 3 bulan sebelum tarikh tamat langganan. Pembekal tersebut adalah Manakala sebahagian pembekal telah membekalkan inbois dalam tempoh 1-3 bulan selepas tamat tempoh langganan.

# LAPORAN PRESTASI PEMBEKAL

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

### 3.1 Pemilihan Pembekal Pangkalan Data Tahun 2018

Berdasarkan penilaian ke atas laporan prestasi pembekal pada tahun 2018, Perpustakaan UTM masih mengekalkan pembekal sedia ada untuk berurus niaga dengan Perpustakaan UTM bagi tahun 2018 mengikut kategori:-

#### i. Tempatan

- a. Access Dunia Sdn. Bhd.
- b. United Technology (M) Sdn. Bhd.
- c. LexisNexis Malaysia Sdn Bhd
- d. Ashe Enterprise Sdn Bhd
- e. Areesh Education & Trading Sdn Bhd
- f. IBS Sdn. Bhd.

#### ii. Luar Negara

- a. Elsevier B.V (Science Direct dan Reaxys)
- b. Emerald Publishing Limited(Emerald)
- c. Thomson Reuters (Datastream)
- d. Globe Publication Pvt Ltd (JSTOR)
- e. Society of Petroleum Engineers (One Petro)
- f. Clarivate Analytics (Web of Science)
- g. SpringerNature (Springerlink)

### 4.0 LAWATAN & PERBINCANGAN DUA HALA PEMBEKAL/PENERBIT BERSAMA PUSTAKAWAN

Sepanjang tahun 2018, hanya 5 penerbit luar negara dan 6 pembekal tempatan yang datang ke Perpustakaan UTM dan menghubungi pustakawan melalui panggilan telefon. Berikut merupakan penerbit luar negara dan pembekal tempatan yang telah mengunjungi Perpustakaan UTM pada tahun 2018 :-

#### i. Penerbit Luar Negara

- a. Clarivate Analytics
- b. EBSCO
- c. Elsevier
- d. Gale
- e. Springer

# LAPORAN PRESTASI PEMBEKAL

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

### ii. Pembekal tempatan

- a. Access Dunia Sdn Bhd
- b. Areeesh Education & Trading Sdn Bhd
- c. Information Laboratory
- d. Koperasi UTM
- e. Ritma Harta
- f. Yuha Associates

Tujuan utama lawatan adalah berkaitan perbincangan berkaitan pangkalan data dan juga promosi untuk langganan/pembelian baru. Penerbit luar negara yang datang ke Perpustakaan adalah dari cawangan di Malaysia dan Singapura.

### 5.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Bagi menghasilkan laporan prestasi pembekal yang lebih menyeluruh, pihak UJME ingin mengambil kira beberapa kriteria yang lebih sesuai dalam menilai prestasi pembekal. Antara kriteria yang akan diambil kira dalam penilaian yang akan datang ialah seperti berikut :-i. Kerjasama pembekal dalam menyediakan maklumat jumlah penerbitan Pangkalan Data setiap 3 bulan sekali/bulanan.

- i. Jumlah latihan/bengkel yang disediakan oleh pembekal kepada pengguna perpustakaan dalam setahun.
- ii. Jumlah pengurangan harga Pangkalan Data yang diberikan semasa Mesyuarat Runding Harga.

### 6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, prestasi pembekalan bahan jurnal dan media elektronik ke Perpustakaan UTM berada di tahap memuaskan. Perbincangan dan maklumbalas dari pihak perpustakaan kepada pihak vendor tentang perkhidmatan yang diberikan sentiasa diberikan dari masa ke semasa. Usaha penambahaikan terus dijalankan bagi memastikan perkhidmatan sebelum dan selepas pembekalan bahan dari setiap pembekal dapat mencapai tahap yang memuaskan. Ini bagi membantu bahagian terlibat mencapai sasaran kepuasan pelanggan di samping mendapat keberkesanan kos dari harga langganan yang telah dibayar.

# UNIT PENGURUSAN TEKNIKAL UNIT HADIAH & PERTUKARAN



# RINGKASAN PENCAPAIAN KESELURUHAN

## KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN

### Pencapaian Keseluruhan

- Pemprosesan bahan (penerimaan bahan, pengkatalogan bahan asal, bahan CIP, Proses IR dan naskhah tambahan).

### KAI / Balanced Score Card

- i. Pengkatalogan bahan asal dan bahan CIP sahaja oleh Pustakawan dan Penolong Pustakawan KHP.
- ii. Aktiviti penerimaan bahan hadiah bagi judul baharu, naskhah tambahan dan Repotori.

### Objektif Kualiti

- Pengkatalogan bahan asal, bahan CIP, input ringkas dan naskhah tambahan oleh Pustakawan KHP dan Pembantu Pustakawan UPT sahaja.

### Penerimaan Bahan

- Penerimaan bahan belian, hadiah dan koleksi khas yang diterima oleh KHP.

### Penghantaran Bahan

- Penghantaran bahan belian, hadiah dan koleksi khas oleh KHP.

### Pencapaian Pustakawan

- Pengkatalogan bahan asal oleh Pustakawan KHP.

### Pencapaian Pembantu Pustakawan

- Penerimaan bahan, pemprosesan bahan CIP, proses IR dan naskhah tambahan oleh Pembantu Pustakawan KHP.

### Pencapaian MTDP : BS11620

- Pengiraan median pemprosesan bahan belian merangkumi proses penerimaan hingga penyusunan bahan di rak.

### Pencapaian Permohonan Bahan Segera

- Pengurusan bahan segera daripada pelbagai sumber permohonan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

### PENCAPAIAN KESELURUHAN

Sasaran : 21,700 judul.  
Pencapaian : 6,546 judul / 7,881 naskhah.

### KAI / BALANCED SCORE CARD

i. Katalog Bahan.  
Sasaran : 4,400 judul.  
Pencapaian : 3,020 judul / 3,955 naskhah.  
ii. Penerimaan Bahan Hadiah & Pertukaran.  
Sasaran : 2,000 judul.  
Pencapaian : 1,858 judul / 2,050 naskhah.

### OBJEKTIF KUALITI

Sasaran : 13,200 judul.  
Pencapaian : 4,451 judul / 5,380 naskhah.

### PENERIMAAN BAHAN

Sasaran : Mengikut jumlah bahan yang diterima.  
Jumlah : 4,550 naskhah.

### PENGHANTARAN BAHAN

Sasaran : Mengikut jumlah bahan yang siap diproses.  
Jumlah : 5,620 naskhah.

### PENCAPAIAN PUSTAKAWAN

Sasaran : 3,800 judul.  
Pencapaian : 2,254 judul / 3,004 naskhah.

### PENCAPAIAN PEMBANTU PUSTAKAWAN

Sasaran : 18,600 judul.  
Pencapaian : 4,227 judul / 4,724 naskhah.

### PENCAPAIAN MTDP : BS11620

Sasaran : Tempoh memproses dalam 40 hari.  
Pencapaian : 6 capai / 4 tidak capai / 2 tiada pencapaian.

### PENCAPAIAN PERMOHONAN BAHAN SEGERA

Sasaran : 100% bahan siap diproses.  
Pencapaian : 101 naskhah / 100%.

# PERBANDINGAN PENCAPAIAN KESELURUHAN

## KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN

**2017**

Sasaran : 18,900 judul.

Pencapaian : 31.3%

5,923 judul / 7,842 naskhah.

**Katalog Bahan.**

Sasaran : 5,000 judul.

Pencapaian : 56.2%

2,811 judul / 3,676 naskhah.

**Penerimaan Bahan Hadiah.**

Sasaran : 2,000 judul.

Pencapaian : 75%

1,499 judul / 1,679 naskhah.

**Memproses & mengkatalog bahan**

Sasaran : 13,200 judul.

Pencapaian : 34.5%

4,556 judul / 6,611 naskhah.

**Aksesan bahan hadiah**

Sasaran : 3 hari.

Pencapaian : 90%

846 naskhah.

Jumlah : 5,665 naskhah.

Jumlah : 9,751 naskhah.

Sasaran : 4,800 judul.

Pencapaian : 49.5%

2,376 judul / 3,221 naskhah.

Sasaran : 14,100 judul.

Pencapaian : 24.9%

3,515 judul / 5,035 naskhah.

Sasaran : Tempoh memproses dalam  
40 hari.

Pencapaian : 8 capai / 1 tidak capai / 3  
tiada pencapaian .

Sasaran : 100% bahan siap diproses.  
Pencapaian : 45 naskhah / 100%.

**PENCAPAIAN :**

**KESELURUHAN**

Penurunan : 1.1%

**2018**

Sasaran : 21,700 judul.

Pencapaian : 30.2%

6,546 judul / 7,881 naskhah.

**Katalog Bahan.**

Sasaran : 4,400 judul.

Pencapaian : 68.6%

3,020 judul / 3,955 naskhah.

**Penerimaan Bahan Hadiah.**

Sasaran : 2,000 judul.

Pencapaian : 79.7%

1,593 judul / 1,820 naskhah.

**OBJEKTIF KUALITI**

Penurunan : 0.8%

Peningkatan : 10.1%

**PENERIMAAN  
BAHAN**

Penurunan : 19.7%

**PENGHANTARAN  
BAHAN**

Penurunan : 42.4%

**PUSTAKAWAN**  
Peningkatan : 9.8%

**PEMBANTU PUSTAKAWAN**

Penurunan : 2.2%

**BS11620**

Penurunan : 25% Capai

Peningkatan : 300% Tidak Capai

Penurunan : 33.3% Tiada

Pencapaian

**PERMOHONAN  
BAHAN SEGERA**

Tiada perubahan

**Memproses & mengkatalog bahan**

Sasaran : 13,200 judul.

Pencapaian : 33.7%

4,451 judul / 5,380 naskhah.

**Aksesan bahan hadiah**

Sasaran : 3 hari.

Pencapaian : 99.1%.

1634 naskhah.

Jumlah : 4,550 naskhah.

Jumlah : 5,620 naskhah.

Sasaran : 3,800 judul.

Pencapaian : 59.3%

2,254 judul / 3,004 naskhah.

Sasaran : 18,600 judul.

Pencapaian : 22.7%

4,227 judul / 4,724 naskhah

Sasaran : Tempoh memproses dalam 40 hari.

Pencapaian : 6 capai / 4 tidak capai / 2 tiada pencapaian.

Sasaran : 100% bahan siap diproses.

Pencapaian : 101 naskhah / 100%.

*Ulasan lengkap perbandingan dan pencapaian 2018 merujuk kepada perincian bagi setiap aktiviti.*

# ULASAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN

## KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN

### PENGKATALOGAN & PEMPROSESAN BAHAN KESELURUHAN

Sepanjang tahun 2018, BPSK mengalami beberapa perubahan penting yang telah memberi kesan langsung kepada pencapaian keseluruhan aktiviti utama yang menjadi tuggak kepada peranan dan fungsi Bahagian ini.


Pencapaian keseluruhan yang sangat terkesan akibat perubahan struktur organisasi yang melibatkan perpindahan dan pertambahan staf telah meningkatkan sasaran pencapaian tahunan melonjak kepada 21,700 judul, iaitu peningkatan 2,800 judul (14.8%).

Faktor ini telah menunjukkan berlaku penurunan 1.1% berbanding tahun sebelumnya, namun jika dilihat dari aspek jumlah judul dan naskhah yang berjaya diproses sepanjang tahun 2018 adalah lebih baik, iaitu 6,546 judul dan 7,881 naskhah, berbanding 5,923 judul dan 7,842 naskhah pada tahun 2017.


Pertambahan jumlah staf bagi jawatan Pembantu Perpustakaan, persaraan 2 staf bagi jawatan Pembantu Pustakawan Kanan dan Pembantu Pustakawan, serta kelewatan pengisian jawatan Pustakawan Unit Hadiah & Pertukaran telah memberi implikasi besar kepada pencapaian keseluruhan aktiviti pemprosesan dan pengkatalogan bahan di BPSK.

Kesan penurunan jumlah peruntukan kewangan yang berpanjangan juga telah memberi impak besar kepada BPSK. Walau pun BPSK mengambil langkah proaktif melalui projek kerjasama memproses dan mengkatalog bahan koleksi khas daripada Bahagian Repotori & Metadata (BRM), namun BPSK masih terikat kepada fungsi dan objektif Unit / Bahagian yang mengutamakan bahan belian dan hadiah berbanding bahan koleksi khas.

Dengan rangkuman aktiviti yang terdiri daripada mengkatalog bahan asal, bahan CIP, proses input ringkas, naskhah tambahan serta penerimaan bahan (judul baharu), keseluruhan pencapaian 2018 dilihat adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Nisbah sasaran tahunan berbanding jumlah pencapaian turut memberi gambaran bahawa perancangan tahun 2019 perlulah lebih realistik bagi memastikan aktiviti memproses dan mengkatalog bahan terus konsisten dan bersinergi.



Rajah 2.1 : Pencapaian mengikut kategori staf.




Rajah 2.2 : Pencapaian mengikut jenis bahan.

### KEY AMAL INDICATORS (KAI) / BALANCED SCORE CARD

Sumbangan Unit Pengurusan Teknikal (UPT) dan Unit Hadiah & Pertukaran (UHP) kepada KAI Perpustakaan UTM merangkumi dua aktiviti utama bagi kedua-dua Unit ini.

Melalui UPT, sasaran pencapaian KAI menjurus kepada aktiviti pengkatalogan bahan asal dan pemprosesan bahan *cataloging-in-print* (CIP) untuk menasarkan 4,400 judul sepanjang tahun 2018, kurang 600 judul berbanding tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 12%.

Walaubagaimana pun, dengan pencapaian sebanyak 68.6%, yang diwakili dengan jumlah 3,020 judul dan 3,955 naskhah, peningkatan 12.4% ini membuktikan usaha yang kekal konsisten untuk memastikan lebih banyak bahan dapat diproses oleh staf UPT & UHP adalah semakin baik. Secara keseluruhannya juga, aktiviti mengkatalog bahan asal mendominasi keseluruhan pencapaian KAI, iaitu ¾ daripada jumlah keseluruhan.



Rajah 2.3 : Pencapaian KAI mengikut jenis bahan.

Penurunan sasaran tahunan KAI 2018 yang tidak menjelaskan produktiviti staf ini telah menjadikan BPSK terus cemerlang untuk membangunkan koleksi Perpustakaan UTM yang terdiri daripada pelbagai jenis bahan untuk rujukan pengguna.

Sumbangan seterusnya bagi KAI Perpustakaan daripada UHP merangkumi aktiviti penerimaan bahan hadiah. Aktiviti ini meliputi penerimaan judul baharu, naskhah tambahan dan aktiviti repositori. Aktiviti ini merangkumi pencapaian yang turut disumbangkan oleh Perpustakaan Raja Zarif Sofiah, Perpustakaan Sultanah Zanariah UTMKU serta Perpustakaan Fakulti.

Dengan sasaran keseluruhan sebanyak 2,000 judul setahun, pihak UHP sahaja telah menyumbang sebanyak 1,593 judul dan 1,820 naskhah, iaitu 79.7% daripada pencapaian keseluruhan. Manakala selebihnya disumbang oleh Cawangan PUTM yang lain seperti berikut :

- i. PSZKL – 714 judul, 714 naskhah.
- ii. BPK (PF) – 25 judul, 25 naskhah.

Secara keseluruhan, sejumlah 2,332 judul dan 2,524 naskhah berjaya diuruskan sebagai penerimaan bahan di PUTM sepanjang tahun 2018. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 26.3% berbanding tahun 2017 (1,846 judul). Angka ini disumbangkan melalui proses penerimaan melalui Modul ACQ yang melibatkan bahan buku, cakera padat, bahan bersiri dan lain-lain.

## PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

### Unit Pengurusan Teknikal (UPT)


Sepanjang 2018, pencapaian Objektif Kualiti bagi UPT adalah kurang memberangsangkan namun mengalami penurunan yang kurang ketara berbanding tahun 2017.

Dengan penetapan sasaran sebanyak 200 judul bagi setiap Pustakawan mengkatalog bahan asal, dan 350 judul bagi Pembantu Pustakawan memproses bahan CIP, input ringkas serta naskhah tambahan, penurunan sebanyak 0.8% telah menjadikan sasaran pencapaian bagi setiap bulan terus menurun. Bagi Pustakawan, hanya 8.3% sahaja pencapaian secara berkumpulan berjaya dicapai, manakala Pembantu Pustakawan gagal mencapai sebarang pencapaian bulanan secara kolektif.

Merungkai kepada jumlah penurunan pencapaian 2018, beberapa faktor yang secara langsung memberi kesan kepada angka pencapaian objektif kualiti yang kurang memberangsangkan ini telah dikenalpasti seperti berikut :

- i. Mulai Jan – Mei, hanya P(PT) sahaja yang melaksanakan aktiviti pengkatalogan bahan asal. Dalam tempoh yang sama juga, P(PT) turut menjalankan sebahagian tugas P(HP) yang hanya dipenuhi kekosongannya di BPSK pada Jun 2018.
- ii. Pembangunan Koleksi Khazanah Intelektual Johor pada April 2018 telah melibatkan semakan kepada penentuan *holdings* serta struktur rekod bibliografik yang memerlukan penelitian yang khusus dan terperinci.
- iii. Pembantu Pustakawan UPT terlibat dengan projek semakan dan pembetulan rekod bibliografik bahan koleksi khas (buku terbitan UTM Press) untuk melengkapkan tag 505 dan 740 pada Jan – Feb 2018.
- iv. Pengambilalihan tugas Pembantu Pustakawan Kanan KHP yang mula bersara pada akhir Ogos 2018 kepada Pembantu Pustakawan UPT sedikit sebanyak memberi kesan kepada hasil pencapaian bulanan.

- v. Perubahan struktur Bahagian yang melibatkan penggabungan dua Bahagian utama membawa kepada aktiviti menyelaras susunatur ruang kerja yang baharu, serta pertukaran staf yang memerlukan latihan untuk mendalamai proses kerja sedikit sebanyak menjelaskan tumpuan kepada pencapaian bulanan yang konsisten.



Rajah 2.4 : Pencapaian Pustakawan & Pembantu Pustakawan.

Berdasarkan pengalaman memproses dan mengkatalog bahan, jenis bahan yang dikatalog juga memberi kesan sampingan kepada pencapaian staf. Inisiatif BKHP membantu pengkatalogan bahan koleksi khas yang terdiri daripada bahan buku terbitan UTM Press memberi satu pengalaman baharu apabila bahan yang terdiri daripada 1 judul tetapi mengandungi lebih daripada 1 naskhah telah memperlakukan aktiviti memproses bahan berkenaan. Lebih banyak data yang perlu dimasukkan pada setiap tag juga turut memberi kesan kepada usaha mengejar sasaran bulanan. Mengambil contoh pencapaian Pustakawan dengan perbezaan jumlah judul berbanding naskhah sebanyak 750 naskhah, purata 150 judul bahan terbitan UTM Press mempunyai nisbah 1 : 5.


Pencapaian berdasarkan jumlah judul menunjukkan Pustakawan telah mencapai sejumlah 2,254 judul dan 3,004 naskhah (59.3%) berbanding sasaran sebanyak 3,800 judul, manakala Pembantu Pustakawan pula adalah sebanyak 2,197 judul dan 2,376 naskhah (26.2%) berbanding sasaran sebanyak 8,400 judul. Walapun berlaku penurunan bagi aktiviti pengkatalogan bahan, BPSK masih mengekalkan prestasi baik kerana tidak tunggakan bahan yang lewat diproses pada tahun 2018, sekaligus dapat mengawal masalah ini daripada menular untuk tempoh jangka masa panjang.

## PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

### Unit Hadiah & Pertukaran (UHP)

Pencapaian aktiviti pengaksesan bahan hadiah di UHP bagi tahun 2018 dilihat lebih cemerlang berbanding tahun sebelumnya apabila lebih besar peratusan pencapaian berjaya diperoleh dengan penambahan jumlah naskhah yang diproses juga semakin meningkat.

Secara keseluruhan, sepanjang tahun 2018, UHP menguruskan sejumlah 1649 naskhah bahan hadiah untuk dilaksanakan proses aksesan berbanding tahun 2017, iaitu sebanyak 940 sahaja, peningkatan 709 naskhah atau 75.4%. Peningkatan yang amat ketara ini sedikit terjejas apabila sejumlah 15 naskhah bahan hadiah telah diproses melebihi tempoh 3 hari bekerja apabila berlaku sedikit kecuaian terhadap tindakan mengambilalih tugas yang perlu dilaksanakan oleh Pembantu Pustakawan ketika Pembantu Operasi BPSK menjalani cuti rehat.



Rajah 2.5 : Pencapaian Aksesan Bahan.

Perincian kepada hasil pencapaian yang merangsangkan ini menunjukkan jumlah bahan yang berjaya diproses dalam tempoh 1 hari adalah 82.4%, diikuti dengan tempoh 2 hari 13.7%, 3 hari 3% dan melebihi 3 hari sebanyak 0.9%. Pencapaian ini secara tidak langsung telah meningkatkan produktiviti staf melaksanakan proses aksesan bahan kepada tahap hampir sempurna dengan peningkatan jumlah bahan yang diproses juga agak tinggi.


Pihak BPSK menjangkakan dengan kecekapan staf di dalam melaksanakan tugas aksesan serta kelancaran proses kerja yang cekap akan dapat mengekalkan pencapaian yang konsisten untuk tahun yang akan datang. Pencapaian terbaik sepanjang tempoh aktiviti ini dijadikan sebagai objektif kualiti UHP juga telah membantu mengatasi masalah tunggakkan bahan untuk diaksesan.

### BS11620 : MEDIAN TIME DOCUMENT PROCESSING (MTDP) – B.3.2.2.

Median Time Document Processing (MTDP) adalah mekanisme pengukuran bagi tempoh memproses bahan bermula daripada penerimaan bahan pesanan dari pembekal sehingga bahan disusun di rak, selaras dengan keperluan yang telah digariskan di dalam BS 11620 : Information and Documentation – Library Performance Indicators.

Ia melibatkan aktiviti penerimaan bahan belian sahaja oleh Unit Perolehan Bahan (UPB), pengkatalogan bahan oleh Unit Pengurusan Teknikal (UPT), dan penghantaran bahan yang melibatkan Bahagian Pengurusan Koleksi (BPK), PRZS dan Perpustakaan Fakulti (PF).

Sepanjang tahun 2018, sejumlah 723 naskhah bahan telah diuruskan berdasarkan elemen yang telah ditentukan. Jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding jumlah bahan yang dikendalikan pada tahun 2017, iaitu sebanyak 285 naskhah sahaja. Perbezaan sebanyak 438 naskhah, atau 153.7% dengan bilangan pencapaian 25% daripada jumlah 10 kali bilangan pencapaian, walau pun bukan satu pencapaian yang boleh dibanggakan, namun dilihat lebih baik jika dibanding dengan jumlah naskhah yang diproses.



Rajah 2.6 : Median Time Document Processing (MTDP) : BS11620 – B.3.2.2.

Secara keseluruhan, terdapat hanya dua bulan sahaja yang tidak melibatkan sebarang proses pengiraan MTDP iaitu pada April dan Jun bagi bahan, disebabkan tiada bahan belian yang diterima dan diantar oleh BPSK. Bulan November mencatatkan jumlah penghantaran bahan tertinggi, diikuti dengan Oktober dan Januari.

Data yang dapat dianalisa bagi pencapaian MTDP menunjukkan jumlah naskhah bahan bukan merupakan faktor penentu kepada kejayaan memproses bahan mengikut tempoh. Sebaliknya, faktor komitmen staf terhadap kerja serta bebanan kerja pada masa yang tertentu menjadi faktor penting untuk memastikan kelancaran memproses bahan di UPT.

### BS11620 : STAFF COSTS PER TITLE CATALOGUED (SCTC) – B.3.3.6

Piawaian bagi pengiraan Staff Costs per Title Catalogued (SCTC) adalah mekanisme pengukuran bagi mengenalpasti kos untuk setiap judul yang dikatalog selaras dengan keperluan yang telah digariskan di dalam BS 11620 : Information and Documentation – Library Performance Indicators.

Pengiraan ini melibatkan faktor-faktor berikut untuk mendapat nilai sebenar mengikut proses pengkatalogan yang dilaksanakan di UPT dan UHP.

- i. Jenis aktiviti pemprosesan dan pengkatalogan bahan yang dilaksanakan di BPSK.
- ii. Staf yang terlibat bagi setiap aktiviti pemprosesan dan pengkatalogan bahan.

Bagi menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai penentuan nilai yang sebenar SCTC ini, faktor pertama adalah untuk BPSK mengenalpasti proses pengkatalogan itu sendiri. Di BPSK, aktiviti pengkatalogan bahan terdiri daripada aktiviti berikut :

- i. Pengkatalogan bahan asal.
- ii. Pengkatalogan bahan CIP.
- iii. Pemprosesan bahan input ringkas.

Aktiviti memproses bahan naskhah tambahan (NT) tidak dimasukkan sebagai salah satu aktiviti di bawah faktor ini disebabkan proses NT hanya melibatkan kemaskini rekod *holdings* sahaja.

Kedua, faktor staf yang terlibat bagi setiap aktiviti pengkatalogan bahan di BPSK. Bagi melaksanakan proses pengkatalogan bahan, hanya melibatkan Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan sahaja. Namun faktor ini dilihat dengan lebih terperinci lagi, iaitu dari aspek gred jawatan bagi menentukan tangga gaji yang akan diambilkira bagi tujuan pengiraan kos sebenar.

Oleh itu, secara amnya, kategori Pustakawan yang terlibat dengan aktiviti pengkatalogan bahan asal adalah 2 orang Pustakawan Kanan - S44, manakala kategori Pembantu Pustakawan pula terdiri daripada 3 orang Pembantu Pustakawan Kanan - S19/22, dan 2 orang Pembantu Pustakawan - S19.

Indentifikasi bagi kedua-dua faktor ini seterusnya memerlukan kajian terhadap penglibatan staf bagi setiap aktiviti pengkatalogan berdasarkan situasi proses kerja sebenarnya yang dilaksanakan di BPSK.

Sebagai langkah permulaan, BPSK melaporkan pencapaian SCTC ini secara tahunan sahaja, berbeza dengan MTDP yang dilaporkan setiap 6 bulan dalam setahun. Relevansinya adalah untuk penyelarasan pengiraan SCTC secara tahunan memandangkan berlaku perubahan tangga gaji staf yang tidak seragam dalam tempoh 1 tahun pengiraan ini dilakukan.

# PENCAPAIAN PUSTAKAWAN UPT & UHP


## KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN

### PENCAPAIAN PUSTAKAWAN

Menyingkap pencapaian Pustakawan UPT dan UHP sepanjang tahun 2018 memberi suntikan positif dengan peningkatan yang agak baik berbanding tahun 2017.

Tahun 2018 dimulakan dengan hanya seorang Pustakawan sahaja di UPT sehingga Mei. Sepanjang tempoh 5 bulan pertama 2018, Pustakawan UPT turut melaksanakan sebahagian tugas Pustakawan UHP mengikut keperluan semasa. Dengan jumlah sasaran sebanyak 3800 judul setahun, pencapaian 2018 berjaya memenuhi 59.3% pencapaian tahun 2018, iaitu 2,254 judul.


Secara perbandingan, julat antara jumlah judul bahan yang berjaya dikatalog hanyalah sebanyak 122 judul sahaja, iaitu penurunan 5.1%, peratusan yang sangat kecil berbanding penurunan jumlah sasaran sebanyak 1000 judul. Walau pun pencapaian 2018 tidak memenuhi hasrat sasaran yang disasarkan, namun peningkatan jumlah judul bahan yang dikatalog semakin meningkat serta tidak meninggalkan impak kepada masalah tunggakkan bahan untuk diproses.



Rajah 2.7 : Perbandingan Sasaran & Pencapaian Pustakawan.

Dilihat dari sudut kekerapan pencapaian Pustakawan mengikut bulan, hanya 5 daripada 19 pencapaian bulanan menunjukkan Pustakawan secara individu berjaya mencapai sasaran 200 judul sebulan. Faktor ini secara langsung memberi kesan kepada pencapaian Objektif Kualiti – Mengkatalog dan Memproses Bahan yang melibatkan Pustakawan UPT dan UHP sebagai salah satu skop utama prosedur berkenaan. Pencapaian aktiviti pengkatalogan bahan mengikut jenis bahan pula menunjukkan bahan koleksi khas yang terdiri daripada tesis dan buku UTM Press telah membantu melonjak statistik pencapaian, iaitu mewakili 60.2%, diikuti dengan bahan hadiah 25% dan bahan belian 14.8%.

Perincian lengkap kepada punca kegagalan pencapaian adalah merujuk kepada pelaporan Pencapaian Objektif Kualiti UPT.




Rajah 2.8 : Pencapaian Keseluruhan Pustakawan UPT dan UHP.

### PENCAPAIAN PEMBANTU PUSTAKAWAN

Pencapaian Pembantu Pustakawan UPT dan UHP merangkumi aktiviti penerimaan bahan hadiah, katalog bahan CIP, proses input ringkas (IR), dan naskhah tambahan (NT). Berbeza dengan pencapaian Objektif Kualiti – Mengkatalog dan Memproses Bahan, pelaporan pencapaian Pembantu Pustakawan ini bersifat menyeluruh dan lebih terperinci yang melibatkan aktiviti pemprosesan bahan secara keseluruhan.


Secara keseluruhan, tahun 2018 menunjukkan pencapaian yang merosot sebanyak 2.2% dari aspek peratusan sahaja. Namun jika dilihat dari aspek sasaran yang semakin meningkat serta bilangan judul yang lebih banyak berjaya diproses, pencapaian Pembantu Perpustakaan UPT dan UHP boleh dikatakan tiada perubahan besar. Perbezaan dari aspek peratus dan jumlah judul dilihat tidak begitu ketara adalah berdasarkan faktor berikut :

- Bilangan Pembantu Perpustakaan yang bertambah daripada 4 orang staf kepada 5 orang staf pada tahun 2018 telah melonjakkan jumlah sasaran tahunan.
- Mulai Nov. hingga Dis. 2018, jumlah Pembantu Perpustakaan kembali kepada 4 orang staf apabila seorang staf bersara mulai Nov. 2018.




Rajah 2.10 : Perbandingan Pencapaian Keseluruhan Pembantu Pustakawan UPT dan UHP.

Julat sebanyak 4,500 judul menyamai perbezaan sebanyak 31.9%, nilai peratusan yang merosot sebanyak 2.2% bukan satu pengukuran yang tepat kepada pencapaian Pembantu Pustakawan UPT dan UHP. Walau pun secara keseluruhannya menunjukkan penurunan, tetapi faktor jumlah staf yang terlibat dengan aktiviti pemprosesan dan pengkatalogan bahan di UPT dan UHP memainkan peranan penting sebagai penentu sebenar pencapaian semasa. Kerana melibatkan sasaran tahunan secara langsung.



Rajah 2.9 : Pencapaian Keseluruhan Pembantu Pustakawan UPT dan UHP.




## PENERIMAAN BAHAN

Secara keseluruhan, aktiviti penerimaan bahan oleh UPT dan UHP ini mengalami penurunan bagi tahun 2018. Dengan jumlah penerimaan yang semakin merosot sehingga 19.7%, BPSK masih meneruskan inisiatif kerjasama dengan BRM untuk memproses bahan koleksi khas bagi menampung kekurangan bahan belian untuk diproses.

Sepanjang tahun 2018 juga, BPSK menerima bahan yang kurang seimbang bagi jenis bahan belian, hadiah dan koleksi khas. Penerimaan bahan hadiah mendominasi 50% jumlah keseluruhan penerimaan bahan, diikuti dengan bahan koleksi khas 26% dan bahan belian 24%. Juga, pada 2018 telah memperlihatkan pembangunan dua koleksi baharu yang terdiri daripada Koleksi Khazanah Intelektual Johor dan koleksi bahan rujukan sekolah.

Sekitar Mac 2018, pembangunan Koleksi Khazanah Intelektual Johor mula dilaksanakan dengan penerimaan bahan hadiah dan disokong dengan bahan belian. Manakala bagi koleksi bahan rujukan sekolah pula memberi tumpuan kepada bahan rujukan diperingkat sekolah menengah. Pembangunan koleksi ini mula dilaksanakan pada akhir Oktober 2018 sebagai usaha mempelbagaikan jenis koleksi dan keahlian di kalangan pelajar sekolah menengah.

Berdasarkan faktor ini, UPT telah memperlakukan tempo penerimaan bahan koleksi khas bagi memberi laluan kepada pemprosesan dua jenis koleksi yang baharu dibangunkan ini.



Rajah 2.11 : Penerimaan Bahan Mengikut Jenis.

Bagi tahun 2018, pengiraan penerimaan bahan tidak mengambil kira permohonan bahan segera yang terdiri daripada pelbagai kategori jenis bahan, iaitu sama ada bahan belian, hadiah atau pun koleksi khas.

Berhadapan dengan krisis peruntukan yang semakin mengecil untuk pembelian bahan baharu sebagai koleksi Perpustakaan, BPSK masih kekal berperanan untuk memastikan pembangunan koleksi Perpustakaan terus berkembang mengikut keperluan semasa. Sumber perolehan bahan terus dipergiatkan melalui saluran hadiah yang disumbang oleh Jabatan / Agensi kerajaan atau swasta, juga hasil sumbangan peribadi di kalangan individu dari dalam dan luar UTM.

## PENGHANTARAN BAHAN

Aktiviti penghantaran bahan bagi tahun 2018 turut melibatkan proses menghantar bahan siap diproses yang diterima pada tahun 2017. Masih kekal menguruskan penghantaran bahan belian, hadiah dan koleksi khas ke pelbagai lokasi PUTM yang telah ditetapkan, peratus penurunan yang amat ketara telah memperlihatkan pengurangan jumlah penerimaan secara keseluruhan.


Dengan peratus penurunan sebanyak 42.4%, jumlah ini menyamai pengurangan sebanyak 4,131 naskhah bahan berbanding tahun 2017. Selaras dengan peranannya sebagai perpustakaan induk, PSZJB menerima 66.4% naskhah bahan daripada jumlah keseluruhan 5,620 nankhah bahan yang dihantar bagi tahun 2018, diikuti dengan PRZS 18.2% dan lain-lain Perpustakaan Cawangan sebanyak 15.4%.

Dari aspek jenis agihan bahan yang dihantar ke semua lokasi perpustakaan ini, bahan hadiah mendahului jumlah nakhah bahan yang dihantar beberapa lokasi utama PUTM termasuk Perpustakaan Cawangan dengan jumlah 3,814 naskhah, diikuti dengan bahan belian 1,409 naskhah dan bahan koleksi khas 397 naskhah.

Mengambilira faktor kekakangan peruntukan bagi tujuan perolehan bahan, serta koleborasi antara BPSK dan BRM untuk memproses bahan koleksi khas, UPT dan UHP masih berusaha baik mungkin untuk memastikan bahan bacaan dan rujukan dapat diagihkan mengikut keperluan pengguna perpustakaan.

Faktor sumbangan bahan bacaan daripada staf yang bersara di kalangan anggota akademik UTM turut menyumbang kepada peningkatan jumlah bahan bacaan yang boleh diagihkan kepada setiap PUTM. Sumbangan daripada individu dan organisasi luar juga turut memain peranan untuk pembangunan koleksi di PUTM.

Sasaran BPSK yang seterusnya adalah untuk memastikan lebih banyak lagi naskhah bahan bacaan dapat diproses dan dikatalog agar pengguna akan lebih terdedah kepada pelbagai genre dan koleksi terkini sumber rujukan yang komprehensif dan signifikan kepada penghasilan pelbagai bentuk penulisan dan penyelidikan.



Rajah 2.12 : Penghantaran Bahan Mengikut Jenis Bahan dan Lokasi.

# PENGURUSAN PERMOHONAN BAHAN SEGERA

## KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN


### PENGURUSAN PERMOHONAN BAHAN SEGERA

Mengukur kecekapan satu rangkaian proses kerja bukan hanya tertakluk kepada jumlah naskhah yang berjaya diproses semata-mata, tetapi juga mengambilkira keupayaan untuk memproses bahan mengikut tempoh sekiranya terdapat keperluan untuk dirujuk dengan segera.

Bagi tujuan memenuhi keperluan pengguna untuk mendapatkan bahan yang tepat sebagai sumber rujukan, BPSK turut melaksanakan urusan permohonan bahan segera. Permohonan ini merujuk kepada bahan-bahan berstatus *in cataloguing* dan *in processing* yang mana bahan-bahan ini sedang menunggu giliran untuk diproses sama ada di UPT/UHP atau di UPB.

Kecekapan BPSK menguruskan permohonan ini diukur melalui tempoh bilangan hari seperti yang telah ditetapkan mengikut status permohonan bahan segera tersebut. Daripada keseluruhan pencapaian tahun 2018, 40.6% permohonan bahan segera berjaya diproses dalam tempoh kurang daripada 1 hari, manakala tempoh memproses bahan segera yang paling lama adalah selama 3 hari, iaitu sebanyak 4% sahaja.

JUMLAH



Rajah 2.13 : Pengurusan Permohonan Bahan Segera Mengikut Tempoh Bilangan Hari.

Sepanjang tahun 2018, sejumlah 101 permohonan bahan segera telah berjaya diuruskan 100% mengikut tempoh bilangan hari yang telah ditetapkan. Walau pun masih mengekalkan prestasi yang sama seperti tahun 2017, namun bilangan permohonan yang diterima pada tahun 2018 meningkat 56 permohonan, iaitu 124.4%.

Peningkatan jumlah ini bukan disebabkan aktiviti pemprosesan dan pengatalogan bahan semakin perlahan, namun permintaan secara *ad hoc* yang melibatkan bahan Koleksi Khazanah Intelektual Johor yang perlu disegerakan bagi tujuan pelancaran koleksi ini pada April 2018 telah memberi kesan kepada peratus kenaikan yang tinggi.

Kelebihan disebalik pengecilan jumlah peruntukan untuk pembelian bahan memberi peluang positif kepada UPT untuk memproses bahan dengan jumlah yang lebih kecil, disokong dengan aktiviti mengatalog bahan koleksi khas sebagai satu projek kerjasama yang aktif.


### TINDAKAN PEMBETULAN DAN PENCEGAHAN - HARIAN

Sepanjang tahun 2018, BPSK melalui UPT telah menerima sejumlah 11 permohonan tindakan pembetulan dan pencegahan daripada Unit Sirkulasi (USK) yang melibatkan 106 pembetulan ke atas 111 rekod bahan.

Secara perbandingan, jumlah permohonan yang diterima bagi tahun 2018 merosot agak tinggi, iaitu 83.1%, manakala jumlah tindakan pembetulan yang dilaksanakan pula meningkat sebanyak 30.9%. Daripada jumlah ini, tindakan pembetulan yang telah dilaksanakan dihabagikan kepada 4 jenis pembetulan utama seperti pecahan berikut :

- i. Tiada rekod bahan di dalam sistem – 18 pembetulan.
- ii. Nombor panggilan yang sama – 10 rekod.
- iii. Kesilapan melabel nombor panggilan – 40 rekod.
- iv. Pembetulan rekod bahan di Modul Katalog – 43 rekod.
- v. Lain-lain – 1 rekod.

Tindakan pembetulan bahan yang dilaksanakan ini sebahagian besarnya melibatkan bahan-bahan lama yang dikesan di rak dan memerlukan tindakan lanjut BPSK untuk menyemak fizikal bahan dan rekod di dalam Modul Katalog.



Rajah 2.14 : Pecahan Tindakan Pembetulan Mengikut Jenis Pembetulan

### TINDAKAN PEMBETULAN DAN PENCEGAHAN – AUDIT DALAM PUTM

Pencapaian tahun 2018 menunjukkan 5 peluang penambahbaikan (OFI) telah diterima oleh UPT dan UHP yang melibatkan 2 prosedur yang berbeza.

Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 28.6% berbanding tahun 2017, iaitu perbezaan sebanyak 2 OFI. Pecahan mengikut Unit menunjukkan UHP masih kekal dengan 4 OFI manakala UPT menurun daripada 3 kepada 1 OFI sahaja. Secara keseluruhan, elemen 8.5.1 ; *Creating & updating* merupakan isu penting yang masih perlu diberikan perhatian untuk diperbaiki bagi kedua-dua prosedur yang terlibat.

Selain daripada itu, proses audit 2018 juga lebih menumpukan kepada usaha untuk menjawab kepada dashboard Pengurusan Risiko untuk memastikan setiap tindakan terhadap risiko yang dinyatakan di dalam prosedur masing-masing diselesaikan.

### PERANCANGAN TAHUN SEMASA

Perancangan penambahbaikan berterusan merupakan sebahagian usaha positif BPSK untuk meneruskan komitmen kepada PUTM. Sepanjang tahun 2018, UPT dan UHP banyak menumpukan perhatian kepada usaha penyelarasan semula beberapa proses kerja dan tugas rutin di kedua-dua Unit ini.

Faktor persaraan staf, penggabungan dua Bahagian utama, perpindahan dan pertukaran staf telah menjadikan beberapa rutin utama di UPT dan UHP perlu dilihat dan dirombak bersesuaian dengan keperluan serta keadaan semasa.

Antara perkara yang telah dilaksanakan sebagai usaha penambahbaikan di UPT dan UHP adalah :

- i. Menyediakan kod rekod *holdings* bagi koleksi rujukan sekolah yang dibangunkan untuk pengguna PUTM serta penggunaan simbol 'rs' sebagai identifikasi bahan berkenaan di rak.
- ii. Mengendalikan Kursus Penerimaan & Penghantaran Bahan untuk membantu Unit/Bahagian serta Perpustakaan Cawangan yang menerima bahan dari BPSK memahami proses *Check-in* di Modul Sirkulasi bagi tujuan kemudahankesanan bahan berdasarkan status bahan.
- iii. Mengekalkan usahasama antara BRM dan BPSK di dalam memproses dan mengkatalog bahan koleksi khas sebagai projek sokongan terhadap masalah kekurangan bahan belian untuk diproses oleh BPSK.
- iv. Mengemaskini penggunaan borang di UPT yang melibatkan penghasilan statistik bulanan individu dan aktiviti di UPT dan UHP.
- v. Mengagihkan tugas Pembantu Pustakawan Kanan yang bersara kepada Pembantu Pustakawan UPT dan UHP untuk memastikan proses kerja sedia ada berjalan lancar, sehingga jawatan berkenaan diisi oleh staf yang diarahkan.
- vi. Mengemaskini proses kerja penghantaran bahan dengan menambahbaik penggunaan borang pendua PSZ15.11 pada cetak kertas berwarna hijau bagi memastikan pihak penerima peka kepada tindakan pengesahan penerimaan dan seterusnya mengembalikan borang berkenaan kepada BPSK sebagai rujukan.

Untuk menjadikan BPSK terus signifikan selari dengan perkembangan semasa, beberapa perancangan awal telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun 2019 sebagai inisiatif penting ke arah peningkatan kualiti kerja yang lebih berkesan. Sebahagian kejayaan yang dicapai sepanjang 2018 ini juga telah menjadikan BPSK lebih yakin untuk memperbaiki kepincangan sedia ada agar sentiasa positif menuju kecemerlangan.

# MAKLUMAT PERTANYAAN

## ALAMAT & TALIAN TELEFON

### ▪ HUBUNGI KAMI :

- 07 – 553 0107  
Ketua Bahagian
- 07 – 553 0112  
Pustakawan Kanan  
Unit Pengurusan Teknikal
- 07 – 553 0133  
Pustakawan Kanan  
Unit Hadiah & Pertukaran
- 07 – 553 0026  
Pustakawan Kanan  
Unit Jurnal & Media Elektronik
- 07 – 553 0095  
Pustakawan Kanan  
Unit Perolehan Bahan
- 07 – 553 0127  
Pejabat am BPSK
- 07 – 557 2555  
Talian faksimili  
Pejabat Ketua Pustakawan

### ▪ ALAMAT SURAT - MENYURAT :

- Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog,  
Perpustakaan UTM,  
Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim.

### ▪ LAIN-LAIN

- Portal :  
<http://library.utm.my/bpsk>
- Facebook : Zon Intelek UTM Libraries



- **BENGKEL – REFRESHER COURSE : SIRI 3**
- **KURSUS NILAI TAMBAH DALAM KUALITI KERJA**
- **PROJEK GOTONG-ROYONG**
- **MESYUARAT PEROLEHAN & SEBUTHARGA**
- **KERTASKERJA**
- **PENGANUGERAHAN AKADEMIK**
- **SANJUNGAN BUDI**
- **PENGHARGAAN STAF**



### BENGKEL PENGKATALOGAN BAHAN & PERLAKSANAAN ASAS RDA

Memasuki tahun ke-3 perlaksanaan Bengkel Pengkatalogan Bahan & Perlaksanaan Asas RDA telah menjadi rutin asas kepada Bahagian Pembagunan Sumber & Katalog pada setiap tahun sejak 2016 lagi.

Dengan fokus utama untuk memberi pemahaman yang lebih jitu serta berkongsi ilmu daripada pengalaman setiap peserta bengkel, usaha ini telah membuka banyak ruang penambahbaikan di dalam melaksanakan aktiviti pengkatalogan dan pemprosesan bahan.

Bengkel ini telah dimantapkan pada setiap tahun, khususnya apabila melibatkan elemen RDA yang merupakan perubahan penting di dalam aktiviti pengkatalogan bahan. Rekod bibliografi yang lengkap, tepat aspek penggunaan tag dan subfield, serta bersifat informatif adalah faktor penting bagi setiap staf yang bertanggungjawab untuk memproses bahan. Keupayaan rekod bibliografi informatif serta tepat serta boleh dipautkan secara global melalui kuasa internet, sangat memberi impak yang besar kepada usaha Perpustakaan UTM untuk memastikan pembangunan koleksi bahan dapat menyokong aktiviti utama UTM.

Justeru, latihan serta penambahbaikan berterusan sememangnya menjadi agenda yang diutamakan untuk memastikan Perpustakaan UTM sentiasa peka terhadap keperluan pengguna serta maklumat yang terkini.



Mendapat sambutan yang sangat baik di kalangan staf Perpustakaan UTM, bengkel ini telah dibahagikan kepada 2 sesi yang melibatkan staf daripada Perpustakaan Sultanah Zanariah, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan Perpustakaan Fakulti, UTM Johor Bahru serta Perpustakaan Pagoh.

Bengkel yang diadakan pada 15 dan 23 Julai 2018 ini telah dihadiri oleh 2 kumpulan sasar seramai 42 orang staf Perpustakaan UTM yang terdiri daripada Pustakawan dan Pembantu Pustakawan, bertempat di Makmal Pencaraian Maklumat 2, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru.

Kerjasama dan perkongsian idea antara staf Perpustakaan UTM melalui bengkel ini merupakan satu pengukuran yang baik untuk memastikan usaha disebalik tabir membangunkan koleksi perpustakaan berjalan lancar selaras dengan hasrat untuk menjadi Perpustakaan UTM terus relevan sebagai entiti utama membentuk kejayaan UTM diperingkat global!

### KURSUS PENGURUSAN PENERIMAAN BAHAN

Kursus Pengurusan Penerimaan Bahan julung kali dilaksanakan pada 2018 sebagai salah satu usaha penambahbaikan kepada proses penghantaran bahan oleh Bahagian Pembagunan Sumber ke lokasi Perpustakaan UTM yang telah ditetapkan.

Selaras dengan hasrat untuk memastikan kebolehkesanannya bahan berada pada tahap kepekaan yang tinggi di kalangan semua staf, penganjuran kursus ini adalah sangat penting. Bagi memenuhi salah satu elemen pematuhan kepada piawaian ISO 9001:2015 (klausa 7.1.5.2), staf perlu dilengkapkan dengan pemahaman yang jelas mengenai status bahan apabila setiap kali bahan digerakkan dalam koleksi Perpustakaan.

Justeru, sebagai Bahagian yang bertanggungjawab di dalam urusan penghantaran bahan yang siap diproses ke lokasi yang telah ditentukan, maka semua Bahagian dan Unit di Perpustakaan UTM sangat berperanan untuk memastikan ketepatan status bahan melalui proses penerimaan.

Bagi setiap nakhah bahan di Perpustakaan, status bahan menjadi petunjuk penting kepada keberadaan bahan tersebut berdasarkan lokasi. Bukan sekadar sebagai rujukan staf, status bahan ini juga membantu pengguna untuk mengesan bahan di rak atau memastikan sama ada sesuatu bahan itu boleh dipinjam, dirujuk atau dimohon sekiranya bahan tersebut belum sedia di rak.

Melalui 2 sesi kursus yang telah diadakan pada 24 April dan 24 Julai 2018, seramai 39 orang staf dari kalangan Pustakawan dan Pembantu Pustakawan telah meghadiri kursus ini.

Kursus yang telah diadakan di Makmal Pencarian Maklumat 2, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru ini telah menerima sambutan yang sangat mengalakkan, khususnya melalui sesi perkongsian pengalaman dan pengetahuan di kalangan staf yang melaksanakan proses kerja penerimaan bahan di Perpustakaan masing-masing.

Pihak BPSK sangat berharap melalui kursus ini, sebahagian daripada risiko yang dikenalpasti dalam proses kerja harian telah berjaya diatasi dan memberi nilai tambah kepada usaha untuk memastikan koleksi bahan Perpustakaan UTM berada pada status yang tepat serta mudah dikesan.



## PENGGABUNGAN DUA BAHAGIAN : PERANAN & IMEJ BAHARU – BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER & KATALOG

Sepanjang tahun 2018, BPSK mengalami beberapa perubahan penting baru meneruskan kesinambungan serta mempermaksa lagi peranan Bahagian ini sebagai salah satu cabang penting kepada operasi PUTM.

Di awal tahun 2018 BPSK masih lagi dikenali dengan nama BKHP sehingga ditukar dengan nama baharu mulai Jun 2018. Dengan penjenamaan baharu ini, BPSK telah menggabung dua Bahagian utama di PUTM, iaitu BPS dan BKHP yang terdiri daripada 4 unit utama.

Langkah awal kepada perubahan ini, satu aktiviti gotong-royong perdana telah diadakan pada 26 – 28 Jun 2018, iaitu selama 3 hari yang melibatkan staf daripada beberapa Bahagian lain. Melalui aktiviti ini, kesemua staf BPS telah dipindahkan ke BKHP yang turut melibatkan perpindahan perabot dan peralatan serta perkakasan komputer secara menyeluruh.

Ruang letak bagi Unit Perolehan Bahan (UPB) dan Unit Jurnal & Media Elektronik (UJME) telah dirangka mengikut kesesuaian peranan kedua-dua Unit tersebut. Dengan jumlah 7 orang staf daripada BPS yang dipindahkan ke ruang pejabat BKHP, jumlah ini telah menjadikan keseluruhan staf di bawah naungan nama baharu, iaitu BPSK menjadi 17 orang keseluruhannya. Namun sehingga Disember 2018, BPSK beroperasi bersama 15 orang staf, dimana 2 orang staf berpencen, dan BPSK masih menunggu satu sahaja jawatan yang perlu dipenuhi, iaitu jawatan Pembantu Pustakawan Kanan yang bakal diputuskan pada 2019.

Dengan penggabungan baharu ini juga, mulai Jun 2018 BPSK telah diterajui oleh Ketua Bahagian yang baharu, iaitu Pn. Haslina Nasir, menggantikan Pn. Kamariah Mohamed Jong. Di samping itu juga, seorang Pustakawan Kanan yang baharu telah mula bertugas sebagai P(HP), bertanggungjawab sepenuhnya mengendali serta mengurus perolehan serta pengkatalogan bahan hadiah.



# MESUARAT PEROLEHAN DAN SEBUTHARGA

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

Berikut merupakan senarai Mesyuarat Perolehan dan Sebutharga yang telah dijalani sepanjang tahun 2018.

### 1. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perolehan ICT UTM. Kelulusan :

- 1.1 Kertas Kerja Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Emerald – 10 April 2018.
- 1.2 Kertas Kerja Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Reaxys – 10 April 2018.
- 1.3 Kertas Kerja Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Dastream – 25 Julai 2018.
- 1.4 Kertas Kerja Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Web of Science – 25 Julai 2018.

### 2. Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Perpustakaan UTM. Kelulusan :

- 2.1.1 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data IEEE secara Rundingan Terus Untuk Tahun 2019 – 28/11/2018 (Bil.6/2018).
- 2.1.2 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Turnitin Tahun 2019 – 28/11/2018 (Bil.6/2018).
- 2.1.3 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data JSTOR Tahun 2019 – 28/11/2018 (Bil.6/2018).
- 2.1.4 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data ACM dan ASME Tahun 2019.

Perakuan:

- 2.2.1 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Lexis Untuk Tahun 2018 – 14/03/2018 (Bil.1/2018).
- 2.2.2 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Reaxys dan Emerald Untuk Tahun 2018 – 20/05/2018 (Bil.3/2018).
- 2.2.3 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Science Direct, Springerlink Dan IEEE Untuk Tahun 2018 – 04/12/2018 (Bil.6/2018).

### 3. Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Harga Bagi Buku Dan Bahan Rujukan

- 3.1 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Engineering & Applied Science dan One Petro Secara Rundingan Terus Untuk Tahun 2018 – 7 Ogos 2018 (Bil 5/2018).

# MESYUARAT PEROLEHAN DAN SEBUTHARGA

## PEROLEHAN BAHAN, JURNAL & MEDIA ELEKTRONIK

### 4. Mesyuarat Lembaga Perolehan “B”

- 4.1 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Web Of Science (WOS) Secara Rundingan Terus Untuk Tahun 2018 – 20/8/2018.
- 4.2 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Science Direct Untuk Tahun 2019 – 30/12/2018.
- 4.3 Kertas Kerja Cadangan Pembaharuan Langganan Pangkalan Data Springerlink Untuk Tahun 2019 – 30/12/2018.

### 5. Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga Universiti

- 5.1 Kertas Kerja Rundingan Terus Pembaharuan Pangkalan Data JSTOR – 17/01/2018.
- 5.2 Kertas Kerja Rundingan Terus Pembaharuan Pangkalan Data Lexis – 17/04/2018.
- 5.3 Kertas Kerja Rundingan Terus Pembaharuan Pangkalan Data Reaxys – 20/05/2018.
- 5.4 Kertas Kerja Rundingan Terus Pembaharuan Pangkalan Data Emerald – 20/05/2018.
- 5.5 Kertas Kerja Rundingan Terus Pembaharuan Pangkalan Data JSTOR – 30/12/2018.
- 5.6 Kertas Kerja Rundingan Terus Pembaharuan Pangkalan Data IEEE – 30/12/2018.
- 5.7 Kertas Kerja Rundingan Terus Pembaharuan Pangkalan Data Turnitin – 30/12/2018.

### 6. Mesyuarat Sebutharga Perpustakaan UTM

- 6.1 Kertas Kerja Cadangan Pembelian Bahan Bercetak Secara Rundingan Terus bagi Politeknik Besut, Terengganu (Projek PILS-KPT-BOS) - 14/3/2018.
- 6.2 Kertas Kerja Cadangan Pembelian Bahan Bercetak Secara Rundingan Terus 2018 – Fasa 1 - 20/05/2018.
- 6.3 Kertas Kerja Cadangan Pembelian Bahan Bercetak Secara Rundingan Terus 2018 – Fasa 2 - 1/10/2018.

# PENGANUGERAHAN AKADEMIK

## PENGAJIAN PERINGKAT SARJANA

*tahniah kepada ...*



**ZURINA ROSMANI – Pustakawan Kanan – S41/44**

Unit Jurnal & Media Elektronik  
Sarjana Pengurusan Aset dan Fasiliti  
Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah  
Universiti Teknologi Malaysia  
Majlis Konvokesyen Ke-60, 28 – 29 April 2018

*sekalung penghargaan dan tahniah kepada ...*

**HASLINA NASIR – Ketua Bahagian – S48**

- Mula berkhidmat di UTMJB : 12.11.1996.  
Lantikan Tetap yang pertama di UTM : 13.11.1997.  
Pengalaman perkhidmatan di UTM :-
- i. Bahagian Pembangunan Sumber - Unit Jurnal & Media Elektronik.
  - ii. Bahagian Automasi
    - Unit Sistem Pengurusan Perpustakaan.
    - Ketua Bahagian.
  - iii. Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog – Ketua Bahagian.

**HASLINA HUSSIN - Pustakawan Kanan – S44**

- Mula berkhidmat di UTMJB : 01.11.1997.  
Lantikan Tetap yang pertama di UTM : 01.11.1997.  
Pengalaman perkhidmatan di UTM :-
- i. Bahagian Perkhidmatan Maklumat
    - Unit Runding Maklumat.
    - Unit Sirkulasi.
  - ii. Bahagian Pembangunan Sumber – Unit Perolehan.
  - iii. Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog – Unit Pengurusan Teknikal.

**ROHAYU MOHAMAD HATIM  
– Pembantu Pustakawan KUP – S22**

- Mula berkhidmat di UTMJB : 16.09.1994.  
Lantikan Tetap yang pertama di UTM : 13.11.1997.  
Pengalaman perkhidmatan di UTM :-
- i. Bahagian Jilid.
  - ii. Bahagian Katalog.
  - iii. Bahagian Repozitori & Metadata – Unit Koleksi Khas.
  - iv. Bahagian Pembangunan Sumber – Unit Perolehan.
  - v. Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog – Unit Perolehan Bahan.

Mengakhiri karier beliau sebagai Ketua Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran (BKHP) setelah berkhidmat selama 32 tahun di UTM, Cik Badariah merupakan antara staf senior kumpulan profesional yang mempunyai pengalaman luas di dalam bidang kepustakawanan. Beliau juga pernah mengetuai PSZKL selama 6 tahun (2003-2009) sebelum kembali berkhidmat di PSZJB pada tahun 2009. Beliau memilih untuk bersara pilihan di usia 56 tahun. Terima kasih di atas segala sokongan yang telah disumbangkan sepanjang beliau menerajui BKHP, yang kini lebih dikenali sebagai BPSK.

**BADARIAH BORHAM**

Ketua Bahagian – S48  
Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran  
Pencen pada 01.02.2018

**MOHD. KAMIL ABDULLAH**

Pembantu Pustakawan Kanan – S22  
Unit Pengurusan Teknikal / Unit Hadiah & Pertukaran

Memulakan kerjaya di UTMKL pada 1984 dan telah berkhidmat selama 34 tahun, beliau bersara wajib pada 23 Ogos 2018 di usia 60 tahun. Beliau menamatkan perkhidmatannya dengan prestasi kerja yang sangat cemerlang serta menjadi contoh terbaik kepada rakan-rakan yang lain. Pernah berkhidmat di beberapa Bahagian penting di Perpustakaan UTM ini, antaranya Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Bahagian Pembangunan Sumber serta Bahagian Perkhidmatan Lanjutan. Sekalung penghargaan dan terima kasih daripada seluruh warga kerja BPSK di atas sumbangan dan jasa bakti beliau yang telah bersama-sama memajukan dan mengharumkan nama UTM, khususnya Perpustakaan UTM.

Kerjaya yang dimulakan pada tahun 1979 di UTMKL sebagai kerani sementara di Pejabat Pendaftar telah menjadikan beliau antara staf veteran Perpustakaan UTM berkhidmat selama 39 tahun. Mempunyai banyak pengalaman bertugas di beberapa Jabatan di UTM, antaranya Pusat Komputer dan Jabatan Fizik, Fakulti Sains dengan jawatan tetap, dan kemudiannya di Perpustakaan UTM sebelum berpindah ke UTM Johor Bahru pada Julai 1987. Beliau memilih untuk bersara pilihan pada 1 November 2018 setelah berkhidmat dengan penuh dedikasi. Juga sekalung penghargaan dan terima kasih daripada seluruh warga kerja BPSK di atas sumbangan dan jasa bakti beliau selama berkhidmat di UTMKL, UTM Johor Bahru dan Perpustakaan UTM khususnya. Selamat Maju Jaya!

**NOR'ALIAH MOHD.NASIRUDDIN**

Pembantu Pustakawan Kanan – S19/22  
Unit Hadiah & Pertukaran

Sepanjang tahun 2018, Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog kerap mengalami pertukaran staf pada awal dan pertengahan tahun. Bermula dengan Januari 2018, BPSK menerima 3 orang staf, dimana 2 orang merupakan staf gantian manakala 1 orang lagi adalah staf tambahan.

Bermula Januari 2018, saudara Hamsapinah Hamdan, Pembantu Tadbir Kanan (NA22) telah ditempatkan di Unit Pengurusan Teknikal dan merupakan staf gunasama Unit Hadiah Hadiah & Pertukaran. Beliau menggantikan saudara Sa'adiah Mohd. Kasdi yang berpindah ke UTMKL pada akhir Disember 2017. BPSK turut menerima staf tambahan iaitu, saudara Nurfarahin Jasmine See Abdullah, Pembantu Pustakawan Kanan (S19/22) juga telah ditempatkan di Unit Hadiah & Pertukaran. Sebelum menyertai BPSK, beliau merupakan staf di Unit Perolehan Bahan, Bahagian Pembangunan Sumber. Kedua-dua staf yang ditempatkan di BPSK merupakan staf kanan yang telah berkhidmat di UTM melebihi tempoh 10 tahun.

Mulai Februari 2018 pula, Pn. Kamariah Mohamed Jong telah dilantik untuk menerajui BPSK sebagai Ketua Bahagian, menggantikan Cik Badariah Borham yang bersara pilihan pada Februari 2018.

Disamping 2 orang staf yang baru ditempatkan di BPSK, pada Jun 2018, 2 orang staf BPSK telah dipindahkan ke Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru hasil penstrukturran semula Perpustakaan UTM. Penstrukturran semula ini juga telah mengubah nama asal Bahagian Katalog, hadiah & Pertukaran (BKHP) kepada BPSK. Dengan penstrukturran semula ini juga, Pn. Kamariah Mohamed Jong kembali bertugas di PRZS selepas dinaikkan pangkat ke Timbalan Ketua Pustakawan (S52) menggantikan Pn. Nor Asikin Mohamad. Manakala saudara Iskandar Dzulkarnain Dawi, Pembantu Operasi (N11) juga turut ditempatkan di PRZS, di Bahagian Automasi menggantikan saudara Mohd. Firdaus Kusnin.

Secara keseluruhan, mulai Jun 2018 juga, BPSK merupakan gabungan 2 Bahagian penting di Perpustakaan UTM, iaitu Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran serta Bahagian Pembangunan Sumber sebagai satu Bahagian baharu yang dikenali dengan nama Bahagian Pembangunan Sumber & Katalog (BPSK). Dua Unit dari BPS yang digabungkan bersama di bawah BPSK adalah Unit Perolehan Bahan dan Unit Jurnal & Media Elektronik. Staf terkini BPSK adalah merujuk kepada laporan mengenai staf di dalam Laporan Tahunan ini.



KAMARIAH  
MOHAMED JONG



NURFARAHIN JASMINE  
SEE ABDULLAH



HAMSAPINAH  
HAMDAN



ISKANDAR  
DZULKARNAIN DAWI

**SENARAI JADUAL****LAMPIRAN /  
MUKASURAT****UNIT PEROLEHAN BAHAN DAN UNIT JURNAL & MEDIA LEKTRONIK**

Jadual 1.1 : Peruntukan Kewangan Mengikut Sumber Peruntukan

Jadual 1.2 : Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengikut Vot

Jadual 1.3 : Pengurusan Pembelian Bahan Mengikut Fund ID

Jadual 1.4 : Pengurusan Pembelian Bahan Mengikut Pembekal

Jadual 1.5 : Perbandingan Jumlah Langganan Kandungan Digital Perpustakaan UTM

Jadual 1.6 : Perbandingan Pesanan Bahan oleh UPB

Jadual 1.7 : Penerimaan Bahan oleh UPB

Jadual 1.8 : Jumlah Tanggungan dan Penerimaan Bahan

Jadual 1.9 : Tempoh Pengurusan Pembayaran Invois Mengikut Bilangan Hari

Jadual 1.10 : Aktiviti Aksesan Bahan oleh Pembantu Operasi BPSK

Jadual 1.11 : Tempoh Aksesan Bahan Mengikut Bilangan Hari

Jadual 1.12 : Jumlah Keseluruhan Kolesksi Perpustakaan UTM

Jadual 1.13 : Pencapaian Median Time of Document Acquisition (MTDA) - B.3.2.1

Jadual 1.14 : Pengiraan Median Time of Document Acquisition (MTDA) - B.3.2.1

Jadual 1.15 : Pencapaian Cost per Download - B.3.1.3

Jadual 1.16 : Jumlah Pesanan Dan Penerimaan Bahan Mengikut Pembekal 2018

Jadual 1.17 : Purata Tempoh Pembekalan Pesanan 2018 Mengikut BS ISO 11620:2014

Jadual 1.18 : Kecekapan Pembekal (Kesilapan Tidak Melebihi 5% Dari Jumlah Pembekalan) Perbandingan tahun 2017 dan 2018

Jadual 1.19 : Tempoh Pembekal Memberi Maklumbalas Mengenai Pertanyaan/Permasalahan

Jadual 1.20 : Status Laporan Pembekal dan Pembatalan Pesanan 2018

Jadual 1.21 : Jumlah Lawatan dari Pembekal tahun 2018

Jadual 1.22 : Jumlah dan peratusan tuntutan majalah popular dari pembekal

Jadual 1.23 : Tempoh penerimaan invois dan jumlah lawatan dari pembekal

